BIL	HURUF	ISTILAH	MAKNA
1	a	a'rabi	Orang arab yang mendiami di pendalaman padang pasir. Mereka hidup cara kuno, berkelompok-kelompok dan berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain, kerana mencari tempat yang sesuai untuk ternakan mereka.
2	a	ababil	Nama burung yang menyerang tentera Abrahah yang bergajah dengan seketul batu ketika mereka datang ke Mekah untuk meruntuhkan Kaabah. Tentera Abrahah telah musnah sama sekali kerana serangan burung-burung itu. Peristiwa ini berlaku dua tahun sebelum keputeraan Rasulullah s.a.w. dan tahun itu juga dinamakan Tahun Gajah. Cerita ini dirakamkan di dalam Surah al-Fil.
3	a	abdul bar	Namanya ialah Yusuf. Beliau adalah seorang perawi dan pengkaji ilmu hadis yang masyhur.
4	a	abdul rahman bin auf	Sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka dan memeluk Islam sejak awal-awal lagi. Beliau merupakan seorang saudagar yang dermawan dan mendermakan berpuluh-puluh ribu dinar hartanya untuk perbelanjaan pertahanan negara. Beliau menyertai semua peperangan bersama Rasulullah s.a.w. dan wafat ketika berusia 75 tahun. Beliau telah dimakamkan di Baqek.
5	a	abdullah bin rawahah	Jurutulis Rasulullah s.a.w. dan panglima Islam yang berani. Beliau gugur dan mati syahid ketika menentang tentera Rome dalam peperangan Muktah yang mana tentera mereka tujuh kali ganda lebih banyak daripada tentera Islam.
6	a	abdullah bin sabak	Pendeta Yahudi yang telah memeluk agama Islam. Beliau berjaya mempengaruhi banyak orang Islam supaya bencikan pemerintahan Khalifah Usman bin Affan dan mengagung-agungkan Saidina Ali dengan cara melebih-lebihkannya. Tujuannya ialah memecah-belahkan perpaduan Islam. Beliau jugalah yang membangkitkan fahaman Syiah.
7	a	abdullah bin salam	Seorang yang berbangsa Yahudi daripada Bani Qainuqak di Madinah. Beliau memeluk Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. dan banyak menceritakan kisah Israiliyat.
8	a	abdullah bin ubai	Seorang yang berbangsa Yahudi dan ketua Munafik di Madinah semasa zaman Rasulullah s.a.w. Golongan ini berpura-pura sembahyang dan melakukan ibadat-ibadat lain, bersama-sama orang Islam yang lain untuk mencari pengaruh. Namun sebenarnya mereka adalah musuh dalam selimut

			yang sentiasa menunggu peluang untuk menjatuhkan Islam.
9	a	abdullah bin umar	Putera sulung Saidina Umar Al-Khattab. Beliau memeluk Islam ketiak berusia lapan tahun. Beliau sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkenal dan dihormati. Beliau sangat kuat beribadat kepada Allah dan perawi hadis dan telah meninggal dunia pada usia 84 tahun di Mekah.
10	a	abrahah	Seorang gabenor negeri Yaman yasng beragama Kristian semasa datuk Rasulullah s.a.w., Abdul Mutalib memerintah Mekah. Abrahah berasa iri hati apabila mengetahui banyak orang yang telah mengunjungi Kaabah di Mekah.lalu beliau mendirikan sebuah gereja yang menyerupai Kaabah di Yaman. Oleh sebab tindakan beliau yang tidak mendapat sambutan, beliau pun melanggar Mekah dengan tentera-tentera bergajah. Belum sempat beliau memusnahkan Kaabah, beliau dan tentera-tenteranya telah dibinasakan oleh burung-burung Ababil.
11	a	abrar	Kumpulan orang yang taat kepada Allah S.W.T. serta melakukan kebajikan. Mereka dijamin oleh Allah S.W.T. akan mendapat kedudukan yang tinggi di syurga kelak.
12	a	abu bakar as-siddiq	Sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling rapat. Beliau pernah menemani Rasulullah s.a.w. ketika berhijrah ke Madinah. Beliau merupakan lelaki pertama yang memeluk agama Islam dan sentiasa membenarkan ajaran Rasulullah s.a.w. dengan sebab itu beliau digelar "as-Siddiq" . Nama asalnya ialah Abdullah bin Abi Qahafah. Beliau telah menjadi khalifah yang pertama dan wafat ketika berusia 63 tahun.
13	a	abu daud	Ulama hadis yang terkenal. Dilahirkan di Iraq. Namanya Sulaiman bin Al-Asy'as dan hidup di kurun ketiga Hijrah. Kitabnya yang bernama Sunan Abi Daud dianggap kitab ketiga yang terpenting selepas Sahih Bukhari dan Sahih Muslim dalam bidang ilmu hadis.
14	a	abu hanifah	Seorang yang sangat alim dalam pengajian Islam, terutamanya dalam bidang Feqah. Beliau adalah pengasas mazhab Hanafi. Nama sebenarnya ialah Nukman bin Sabit. Beliau juga saudagar yang jujur dan telah meninggal dunia pada tahun 80 Hijrah.
15	a	abu hurairah	Salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan telah memeluk Islam pada tahun ke-7 Hijrah. Nama sebenarnya ialah Abdul Rahman bin Sakhar, beliau banyak menghabiskan masanya dengan mendampingi Rasulullah s.a.w. Seorang yang kuat ingatan dalam menghafaz hadis dan banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah s.a.w.

16	a	abu lahab	Salah seorang bapa saudara Nabi s.a.w . Dan namanya yang sebenar ialah Abdul Uzza. Beliau sangat memusuhi Rasulullah s.a.w. dan menentang dakwah Islam sehingga diturunkah surah Al-Lahab [lidah api]. Surah ini mencela Abu Lahab bersama isterinya dan kedua-duanya akan dikenakan api neraka yang dahsyat.
17	a	abu jahal	Namanya Amru bin Hisyam. Beliau merupakan kafir Quraisy yang sangat keras menentang agama islam dan perancang utama dalam percubaan membunuh Nabi s.a.w. Beliau menentang agama Islam bukan kerana tidak tahu kebenaran Islam tetapi semata-mata kerana degil dan hasad kepada Rasulullah s.a.w. Beliau telah mati terbunuh dalam peperangan Badar ketika menentang tentera Islam.
18	a	abu qasim	Gelaran yang diberikan kepada junjungan kita s.a.w kerana baginda mempunyai seorang anak lelaki yang bernama Qasim tetapi meninggal dunia ketika semasa kecil lagi.
19	a	abu talib	Bapa saudara Rasulullah s.a.w. dan bapa kepada Saidina Ali. Beliau memimpin keluarga Bani Hasyim yang disegani oleh orang Quraisy dan pelindung kepada Rasulullah s.a.w. daripada ancaman musuh. Setelah beliau wafat, orang Quraisy berani mengancam Rasulullah s.a.w. sehingga mahu membunuh baginda.
20	a	abu ubaidah al-jarah	Seorang daripada sahabat sepuluh sahabat Rasulullah s.a.w. yang dijanjikan masuk syurga.Beliau juga merupakan seorang panglima Islam yang berani, berperang bersama Rasulullah s.a.w dalam semua peperangan. Panglima yang sangat berjasa mengembangkan agama Islam dan menawan negeri Syam, Hims dan Aleppo. Beliau wafat pada tahun 18 Hijrah.
21	a	abu zar al-ghifari	Seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang bersikap tegas ketika memperjuangkan kebenaran dan hak. Cara hidupnya yang sederhana, tidak mementingkan kesenangan dunia. Sebaliknya sentiasa berusaha menyuburkan keimanan kepada Allah S.W.T.
22	a	adab	Kesopanan dalam pemikiran seseorang serta budi bahasa yang lemah lembut dan halus. Agama islam menggesa penganutnya supaya beradab keada Allah S.W.T. dan sesama manusia.
23	a	adam	Seorang nabi dan rasul pilihan yang dijadikan oleh Allah S.W.T. daripada unsur tanah. Daripada Adam Dan Hawalah asal keturunan manusia yang ada sekarang. Setelah Allah S.W.T. menjadikan Nabi Adam, Allah S.W.T. telah menyuruh semua malaikat dan iblis menghormatinya. Namun iblis enggan

			menurut perintah lalu menjadi kafir. Nabi Adam adalah pemerintah pertama di muka bumi ini.
24	a	adat	Sesuatu perkara yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat melakukannya. Ada adat yang menentang ajaran agama Islan dan ada yang tidak.
25	a	adil	1- Salah satu nama Allah S.W.T. [Al-Asma'ul Husna] yang bererti Allah itu Maha Adil kepada hamba-hambaNya. 2- Mereka yang menjalankan suruhan Allah S.W.T. dan menjauhi segala laranganNya. 3- Orang yang menjalankan tugas mengikut yang sebenarnya tanpa mementingkan diri sendiri, keluarga dan orang yang tertentu.
26	a	afdal	Perkara yang lebih utama atau lebih banyak pahala seperti menghadiri kuliah agama lebih afdal daripada mengerjakan beberapa solat sunat biasa.
27	a	agama budaya	Agama-agama yang dicipta oleh manusia sendiri. Agama-agama ini tidak mempunyai kitab daripada Allah S.W.T. seperti agama Buddha dan lain-lain lagi.
28	a	agama tauhid	Agama yang mempunyai kepercayaan bahawa Tuhan itu cuma satu sahaja iaitu Allah S.W.T. yang mempunyai kuasa yang tidak terbatas. Contohnya agama Islam.
29	a	agama wahyu	Agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui kitab-kitabnya iaitu Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran. Namun begitu, ajaran kitab-kitab yang tersebut melainkan Al-Quran telah diselewengkan oleh pengikut-pengikutnya dan tidak boleh dipakai lagi. Tambahan pula dengan turunnya Al-Quran, semua ajaran terdahulu telah dimansuhkan atau dibatalkan. Hanya Al-Quran saja yang kekal sehingga ke hari Kiamat. Agama Wahyu juga dikenali sebagai agama Samawi. Sebagai contoh, agama Islam dan agama Nasrani.
30	a	ahli sunnah wal jamaah	Golongan Islam yang mengikit sunah Nabi s.a.w. dan mengasaskan keimanan atas dasar al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. Golongan ini wujud sejak wujudnya agama Islam lagi tetapitidak dinamakn Sunnah wal Jamaah sehinggalah pada abad ketiga Hijrah. Pengasas golongan ini ialah Abu Hasan Asari dan Abu Mansur Al-Mauturidi. Mazhab ini menjadi pilihan mazhab tauhid kebanyakan orang Islam di dunia dan juga di Malaysia.
31	a	ahlul bait	Keluarga Nabi s.a.w. yang terdiri daripada Bani Abdul Mutalib dan Bani Hasyim. Golongan ini tidak boleh menerima harta zakat.

32	a	ahlul hilli wal aqdi	Mereka yang menganggotai sebuah badan perundingan yang dilantik oleh pemerintah untuk menentukan keputusan hukum mengenai sesuatu masalah yang berlaku yang tidak terdapat dalam al-Quran dan Hadis secara terperinci.
33	a	ahlul kitab	Orang yang beragama Yahudi dan Nasrani yang masih mengamalkan ajaran lama mereka sesudah kebangkitan Nabi s.a.w. dan mereka dihukumkan kafir kerana tidak mengikut syariat Nabi s.a.w. Hukum-hukum yang berkaitan dengan mereka ialah orang Islam yang halal berkahwin dengan perempuan mereka dan sembelihan mereka halal dimakan.
34	a	ahlul quran	Orang yang arif dalam pembacaan Al-Quran dan isinya serta tafsir kitab Al-Quran.
35	a	ahmad bin hambal	Pengasas mazhab Hambali [salah satu mazhab empat] . Namanya Ahmad bin Muhammad bin Hambal. Beliau dilahirkan di Bahgdad pada tahun 164 Hijrah. Beliau menghabiskan sebahagian besar umurnya dengan belajar mendalami agama Islam dan kemudian menulis buku. Beliau pernah berguru dengan Imam Syafie. Selain ulama Feqah beliau juga seorang daripada ulama hadis yang masyhur.
36	a	al-ahzab	Surah Al-Quran yang ke-33. Surah ini diturunkan di Madinah dan mengandungi 73 ayat. Ahzab bererti pasukan tenteradaripada pelbagai suku kaum yang berjumlah sepuluh ribu orang. Mereka bergabung untuk menyerang kerajaan Islam di Madinah pada tahun ke-5 Hijrah.Tetapi dengan pertolongan Allah S.W.T. mereka telah gagal dan Allah S.W.T. telah mengingatkan orang Islam agar selalu bersyukur dengan pertolonganNya.
37	a	ahzab	Ertinya puak-puak yang terdiri daripada bangsa Arab dan Yahudi yang bergabung dalam Perang Ahzab. Perang Ahzab ialah peperangan di antara Rasulullah s.a.w. bersama-sama orang Islam dengan puak-puak tersebut yang menyarang Madinah pada tahun ke-5 Hijrah. Mereka gagal mengalahkan orang Islam. Peperangan ini juga dikenali sebagai Perang Khandak.
38	a	air mani	Cecair yang berwarna putih dan pekat yang keluar daripada zakar ketika nafsu sedang memuncak. Cecair ini tidak najis tetapi orang yang keluar mani wajib mandi junub.
39	a	air mutlak	Air asal yang belum bercampur dengan sesuatu seperti air hujan, air paip, air sungai dan sebagainya. Air mutlak boleh menyucikan benda yang kena najis, mandi hadas besar dan dibuat untuk mengambil wuduk.

40	a	aisyah	Salah seorang isteri Nabi s.a.w. dan anak kepada Saidina Abu bakar. Berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. pada usia dua belas tahun. Beliau seorang yang bijak, kuat beribadat, menjadi rujukan para sahabat dan banyak meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. Beliau digelar Ummul Mukminin.
41	a	al-aiyubi	Tokoh Islam yang mashyur dalam peprangan menentang tentera salib Eropah. Namanya ialah Sultan Salahudin Yusuf bin Aiyub. Beliau dilahirkan di Iran. Beliau juga bertanggung jawab menghapuskan fahaman-fahaman Syiah di Mesir dan menggantikan kerajaan Fatimiyah dengan kerajaan Aiyubi.
42	a	ajal	Tempuh atau masa yang ditentukan ole Allah S.W.T. sesuatu akan berlaku ke atas makhlukNya. Seperti apabila sampai ajal bagi seseorang yang ditentukan ia kan lahir, maka ia pun dilahirkan. Atau jika seseorang itu mati, dia pun akan mati.
43	a	ajam	Bangsa-bangsa yang lain daripada bangsa Arab. Tiada kelebihan sesuatu bangsa daripada bangsa yang lain kecuali yang lebih patuh kepada Allah S.W.T.
44	a	ajaran sesat	Fahaman agama yang salah dan bertentangan dengan agama Islam. Ajaran ini boleh memesongkan iktikad seseorang daripada ajaran yang betul contohnya ajaran Qadyani. Mengamalkan ajaran sesat boleh menyebabkan seseorang itu syirik dan kekal selama-lamanya di dalam neraka.
45	a	ajnabi	Orang lelaki dan perempuan yang halal berkahwin iaitu bukan muhrim. Mereka wajib menutup aurat dan dalam pergaulan yang terbatas.
46	a	akad	Perjanjian yang dilafazkan oleh dua belah pihak yang menunjukkan persetujuan mereka. Contohnya seperti akad jual beli dan sebagainya.
47	a	akad nikah	Perkataan yang dilafazkan oleh jurunikah ketika melakukan pernikahan [ijab] dan jawapan penerimaan yang dilafazkan oleh pengantin lelaki [kabul]. Pernikahan tidak sah tanpa akad nikah.
48	a	akhirat	Alam yang kekal dan akan di diami oleh manusia dan jin sesudah alam dunia yang ada pada sekarang ini dimusnahkan. Manusia akan melalui beberapa proses seperti melalui alam Barzakh dahhulu untuk sampai ke sana. Senang dan susahnya kelak akan bergantung kepada amalan yang dilakukan oleh seseorang itu semasa hidup. Percaya kepada hidup semula di akhirat dan perkara yang berkaitan dengannya adalah salah satu daripada rukun iman.

49	a	akidah	Asas kepercayaan agama seseorang. Tiap-tiap orang Islam perlu mempunyai akidah Islam yamh betul. Orang yang mempunyai akidah yang salah, ibadatnya tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. dan dia akan dimasukkan ke dalam neraka.
50	a	akikah	Menyembelih binatang pada hari yang ke tujuh selepas kelahiran bayi sebagai melahirkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. Hukum membuat akikah adalah sunat muakad. Masanya semenjak ia lahir sehingga sehingga dia belum baligh. Tetapi masa yang paling afdal ialah semasa hari ke tujuh ia dilahirkan.
51	a	akil baligh	Orang yang sudah cukup umur dan berfikiran waras atau orang mukalaf. Mereka diwajibkan mengerjakan suruhan Allah S.W.T. dan menjauhi segala laranganNya. Cukup umur bagi kanak-kanak perempuan ialah apabila genap berumur dua belas tahun atau kedatangan haid. Dan kanak-kanak lelaki pula ialah 15 tahun atau bermimpi sebelumnya.
52	a	alaihissalam	Doa yang diucapkan ketika mendengar atau mendengan orang menyebut nama-nama rasul selain daripada daripada Nabi s.a.w. Ertinya ialah "Ya Tuhanku kurniakanlah sejahtera ke atasnya".
53	a	alam ghaib	Alam yang tidak dapat dilihat oleh mata kita. Contohnya alam jin dan alam malaikat dikatakan sebagai alam ghaib.
54	a	alam syahadah	Alam yang nyata. Yang nampak dipandang oleh mata kasar.
55	a	al-'alaq	Surah al-Quran yang ke-96. Surah ini mengandungi 19 ayatyang diturunkan di Mekah. Ayat 1 hingga 5 merupakan ayat al-Quran yang mula-mula sekali diturunkan di Gua Hira'. Al-Alaq ertinya segumpal darah, kerana di dalam ayat yang kedua Allah menceritakan bahawa Dia menjadikan manusia itu daripada segumpal darah yang beku.
56	a	Ali bin abi talib	Beliau telah dilahirkan di Mekah kira-kira 23 tahun sebelum Hijrah. Beliau adalah kanak-kanak yang mula-mula memeluk agama Islam, anak angkat dan menantu Rasulullah s.a.w. Beliau seorang yang luas ilmu pengetahuan, cerdas berfikir, panglima yang gagah perkasa serta digelar "Karamullahu Wajhah" dan juga diantara sepuluh sahabat Rasulullah s.a.w. yang dijanjikan akan masuk syurga. Beliau menjadi khalifah yang keempat. Semasa pemerintahannya umat Islam terbabit dengan perang saudara.
57	a	alif lam qamariah	Satu daripada istilah hukum tajwid iaitu tiap-tiap alif lamyang ada pada awal kalimah yang bermula dengan huruf-huruf berikut- alif, ba, jim, ha, ho, ain, ghin, fa, kob. Kaf, mim, wau, ha dan ya. Hukum

			bacaannya ialah hendaklah dibaca dengan jelas bunyi "lam" mati .
58	a	alif lam syamsiah	Satu daripada istilah hukum tajwid. Iaitu tiap-tiap alif lam yang ada pada awal kalimah yang bermula dengan huruf-huruf berikut- ta, sa, dal,zal, ra, zai, sin, syim, sod, dhot, to, zo, lam, nun. Hukum bacaannya ialah bunyi lam mati dihilangkan dan huruf alif disabdukan kepada huruf yang berikutnya.
59	a	alim	Ertinya seseorang yang pakar atau mahir dalam sesuatu bidang pengetahuan. Biasanya perkataan alim ditujukan kepada seseorang yang mahir dalam ilmu agama Islam seperti makna dan lain-lainnya. Apabila banyak dipanggil ulama.
60	a	amal jariah	Amalan atau sedekah yang berkekalan faedahnya untuk orang ramai seperti mendirikan masjid dan sebagainya.
61	a	amal salih	Usaha-usaha yang baik dan berfaedah. Sama ada untuk diri sendiri, keluarga, agama dan negara. Misalnya melakukan ibadat sembahyang, membantu keluarga yang susah dan sebagainya. Mereka yang beriman serta beramal salih saja yang masuk ke dalam syurga kelak.
62	a	amil	Pegawai yang telah dilantik oleh jabatan agama untuk memungut zakat bagi satu kawasan daripada orang ramai. Amil juga salah satu daripada orang yang layak menerima harta zakat
63	a	amin	Perkataan yang diucapkan ketika mendengar orang lain membaca doa. Ertinya- "Ya Allah kabulkanlah permintaan kami"
64	a	amirul mukminin	Gelaran yang diberiakn kepada pemerintah-pemerintah Islam di zaman dahulu.Ertinya ialah perintah bagi seluruh umat Islam. Saidina Umar al-Khattab adalah orang yang pertama menerima gelaran itu.
65	a	amirul umarak	Gelaran bagi pemerintah orang Islam dahulu yang bermaksud raja bagi segala raja.
66	a	ammul jamaah	Tahun orang islam bersatu buat seketika kerana Saidina Hasan bin Ali telah menyerahkan kuasa khalifah kepada Muawiyah bin Abu Suffian.
67	a	amru bin al-as	Seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka. Namanya Abdullah Amru bin Al-As. Beliau memeluk Islam pada tahun ketujuh Hijrah ketika dibuat perjanjian Hudaibiyah. Panglima Islam yang berani dan bijak. Dan banyak berjasa kepada dakwah Islam serta setanding dengan Khalid bin Walid. Beliau juga merupakan panglima Islam yang telah

			membuka negeri Mesir. Beliau kemudiannya telah dilantik menjadi gabenor di Mesir.Beliau telah wafat pada tahun 43 Hijrah.
68	a	anak bulan	Bula yang berbentuk seperti bulan sabit, ianya boleh dilihat pada satu hari bulan. Orang Islam menentukan puasa dan Hari Raya dengan melihat anak bulan. Cara ini dikatakan cara rukyah.
69	a	al-an'am	Surah al-Quran yang keenam. Surah ini mengndungi 165 ayat. Sebahagian daripadanya diturunkan di Madinah dan sebahagian lagi diturunkan di Mekah. An'am bererti binatang ternakan kerana di dalam surah ini Allah S.W.T. mendedahkan kepercayaan seseorang Jahiliyah terhadap binatang ternakan.
70	a	anas bin malik	Seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah lama berkhidmat sebagai khadam. Setelah Rasulullah wafat beliau berpindah ke Basrah dan mengajar agama di sana. Beliau banyak meriwayatkan hadis dari Rasulullah s.a.w. seperti yang terkumpul di dalam Musnad Ahmad.
71	a	al-anbia'	Surah al-Quran yang ke-21. Surah ini mengndungi 112 ayat yang diturunkan di Mekah. Anbia ertinya hal-hall nabi kerana di antara ayat 48 hingga 91 ada menceritakan kisah mereka.
72	a	an-anfal	Surah al-Quran yang kelapan. Surah ini mengandungi 69 ayat yang diurunkan di Mekah. Al-Ankabut bererti labah-labah kerana di dalam al-Quran ada menceritakan keadaan labah-labah pada ayat yang ke-41.
73	a	ansar	Gelaran kepada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang terdiri daripada orang Madinah. Mereka berjuang bersama-sama Baginda untuk menegakkan Islam dan menolong orang-orang Muhajirin pada permulaan Hijrah sehingga terdirinya negara Islam.
74	a	al-a'raf	Surah al-Quran yang ketujuh. Mengandungi 206 ayat yang kebanyakannya diturunkan di Mekah kecuali lapan ayat daripadanya diturunkan di Madinah. Al-A'raf bererti tembok pemisah syurga dan neraka. Kerana di dalm surah ini ada menceritakan tentang kisah kehidupan penghuni kedua-duanya kelak.
75	a	arafah	Sebuah padang seluas 22 kilometer di Jabbal Rahmah. Jemaah haji berada di padang Arafah pada 9 Zulhijah kerana menunaikan salah satu rukun haji.
76	a	arak	Tiap-tiap minuman yang memabukkan tidak kira daripada bahan apa minuman itu diperbuat. Hukum meminumnya ialah berdosa besar kerana ia boleh

			menghilangkan akal manusia daripada pertimbangan dan menyebabkan bahaya kepada diri sendiri atau menyebabkan berlakunya maksiat, pembunuhan dan lain-lain lagi.
77	a	arasy	Singgahsana kerajaan kebesaran Allah S.W.T. yang amat luas. Ia berada jauh dari langit yang ketujuh. Nabi s.a.w. pernah sampai ke arasy pada malam Israk Mikraj. Hakikat bentuk arasy tidaklah diketahui melainkan Allah S.W.T. sahaja yang mengetahuinya.
78	a	arqam bin abi arqam	Sahabat Rasulullah s.a.w. di Mekah . Beliau adalah orang yang pertama memeluk agama Islam . Rumahnya dijadikan tempat Rasulullah menyampaikan ajaran Islam secara sulit. Arqam mengikut Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah dan sentiasa bersama Rasulullah s.a.w. dalam peperangan penting.
79	a	asabah	Waris si mati yang layak menerima pusaka. Tetapi tidak mempunyai bahagian tetap dalam bahagian faraid. Ia akan mendapat harta yang lebih setelah dibahagi-bahagikan kepada waris yang mempunyai bahagian yang tetap, jika harta itu masih ada. Kiranya sudah habis ia tidak akan mendapat apa-apa pun.
80	a	asadullah	Ia bererti singa Allah S.W.T. Gelaran ini diberikan kepada Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib iaitu bapa saudara Nabi s.a.w. kerana keberaniannya dan ketangkasannya yang luar biasa semasa menentang musuh dalam peperangan menentang orang kafir. Beliau telah mati syahid dalam perang Uhud.
81	a	asbabun nuzul	Sebab-sebab atau peristiwa yang menyebabkan ayat al-Quran diturunkan pada zaman Rasulullah s.a.w. Mengetahui sebab ayat itu diturunkan adalah penting untuk menentukan sesuatu hukum.
82	a	ashabul furudh	Waris-waris yang mempunyai bahagian tetap dalam menerima harta pusaka si mati. Mereka sumua ialah empat golongan lelaki dan lapan golongan perempuan.
83	a	ashabul kahfi	Sekumpulan pemuda pengikut Nabi Allah S.W.T. iaitu Nabi Isa a.s. yang berdakwah kepada kaumnya supaya mentauhidkan Allah S.W.T. tetapi telah mendapat tentangan yang hebat. Lalu mereka lari mendapatkan perlindungan di dalam gua. Mereka tertidur selama beratus-ratus tahun. Kemudian mereka terjaga daripada tidur dan menemui orang ramai. Selepas beberapa lama hidup akhirnya mereka pun mati.
84	a	al-asma' al-husna	Nama Allah S.W.T. yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadis. Nama-nam tersebut sebanyak 99 nama.

			Sesiapa yang menghafalnya akan masuk syurga.
85	a	asnaf	Golongan yang layak menerima zakat. Terdapat lapan asnaf yang layak menerimanya iaitu orang fakir, orang miskin, amil, mualaf, hamba mukatab, orang musafir, orang yang berjuang di jalan Allah, dan orang yang berhutang kerana kemuslihatan umum
86	a	al-asri	Surah al-Quran yang ke-103. Surah ini mengandungi tiga ayat yang diturunkan di Mekah. Al-Asri bererti masa. Dalam surah ini Allah S.W.T. ada menyebutkan tentang masa kerana masa adalah penting dalam kehidupan seseorang.
87	a	al-asyarah al-muba- syarah	Sepuluh orang sahabat Nabi s.a.w. yang telah dijanjikan akan masuk syurga iaitu Abu Bakar, Umar al-Khattab, Usman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Az-Zubir bin Awwam, Talhah, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abi Waqas, Abu Ubaidah al-Jarrah, dan Zaid bin Sabit.
88	a	asyura	Hari Asyura jatuh pada 10 Muharram tiap-tiap tahun. Disunatkan berpuasa pada hari tersebut da ia dinamakan Hari Asyura. Allah S.W.T. menjadikan Adam dan Hawa, langit, bumi dam makhluk-makhluknya yang lain bermula pada hari Asyura.
89	a	atid	Malaikat yang mencatat segala kejahatan manusia dan catitan itu akan diserahkan kepada Allah S.W.T. kelak untuk diadakan pengadilan. Malaikat Atid adalah salah satu daripada sepuluh malaikat yang wajib kita beriman dengannya.
90	a	aurat	Sebahagian anggota badan yang wajib ditutup ketika bersembahyang an ketika dalam pergaulan biasa.
91	a	aus	Satu kabilah daripada bangsa Arab yang mendiami Mekah. Mereka telah memberi sokongan yang kuat kepada Rasulullah s.a.w. bagi mengembangkan dakwah Islamiyah. Banyak sahabat yang terkemuka daripada golongan Aus.
92	a	ausaq	Jamak daripada perkataan wasaq iaitu nama sukatan lama. Satu wasaq bersamaan dengan 60 gantang. Lima ausaq adalah permulaan nisab zakat.
93	a	ayat sajadah	Ayat-ayat al-Quran yang disunatkannya kita melakukan sujud apabila kita membacanya sama ada kita dalam keadaan solat atau di luar solat. Terdapat 14 tempat di dalam al-Quran. Sujud ini dinamakan sujud sajadah atau sujud tilawah.

94	a	ayub [nabi]	Salah satu daripada 25 orang rasul pilihan dan nama mereka tercatat dalam al-Quran. Sesungguhnya Nabi Ayub a.s. banyak menempuh dugaan dugaan daripada Allah S.W.T. ketika berdakwah tetapi beliau tetap bersikap tenang dan sabar.
95	a	azali	Yang tiada permulaan wujudnya atau pun yang kekal wujudnya tiada permulaan. Hanya Allah S.W.T. saja yang bersifat azali.
96	a	azan	Ertinya bang yang bertujuan mengingatkan orang ramai bahawa telah masuk waktu solat. Biasanya di masjid dan surau azan dilaungkan oleh bilal. Namun jika di rumah ia juga disunatkan melakukan azan.
97	a	azimah	hukum syarak yang telah ditetapkan dari awaldan menjadi undang-undang bagi umum. Sebagai contoh wajib puasa pada bulan Ramadan.
98	a	azimat	Tulisan-tulisan atau lukisan yang tertentu yang ditulis pada kertas atau lain-lainnya dan dipakai di badan dengan tujuan melindungi si pemakai dari sabarang bencana dan malapetaka. Perbuatan ini dilarang dalam Islam.
99	a	azlam	Satu cara zaman Jahiliyah mencabut undi bagi menentukan urusan mereka hendak melakukan pekerjaan penting. Kalau undian itu menunjukkan kejayaan, ia akan melakukannya jika tidak urusan itu ditangguhkan.
100	a	azzawajalla	Ertinya yang Maha Mulia dan Maha Agung. Hanya Allah S.W.T. saja yang layak bersifat demikian.
101	b	babus salam	Bererti pintu selamat. Nama salah satu pintu di Masjidil Haram di Mekah. Orang Quraisy telah menjadikan pintu itu untuk memilih seorang hakim bagi menyelesaikan perbalahan meletak semula batu Hajar Aswad. Didapati Nabi s.a.w. yang mula-mula masuk menerusi pintu Babus Salam beliau dilantik menjadi hakim.
102	b	bacaan tadwir	Bacaan al-Quran yang dibaca dengan sederhana, tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat serta memelihara hukum tajwid dengan sempurna.
103	b	badar	Sebuah tempat di sebelah barat daya Madinah. Peperangan pertama diantara tentera Islam yang dipimpin Rasulullah s.a.w. menentang tentera Quraisy yang dipimpin ole Abu Sufyan telah berlaku di sini pada 17 Ramadan tahun Hijrah yang kedua.
104	b	badwi	Orang Badwi adalah panggilan bagi orang Arab yang tingggal di pendalaman padang pasir atau mereka yang tinggal jauh dari bandar. Cara kehidupan mereka berbeza dengan cara orang Hadhari.

105	b	baghdad	Sebuah bandar lama yang terletak di tebing sungai Dajlah dan menjadi ibu negara Iraq. Baghdad diasaskan oleh Khalifah al-Mansur dan dimodenkan oleh Khalifah Harun al-Rashid. Di sini banyak bekas pemerintahan purba dan kesan pemerintahan Islam.
106	b	baha'	Satu mazhab daripada Syiah. Pengasasnya Mirza Hussain Baha' Ullah yang mengaku dirinya Imam Mahdi. Diantara ajaran mazhab Baha' ialah agama Islam, Yahudi dan Kristian itu semua adalah benar dan hendaklah disatukan dan rasul-rasul itu penjelmaan Tuhan. Fahaman ini adalah salah mengikut Islam yang sebenar.
107	b	bahimah	Tabiat binatang yang mengikut saja kehendak hawa nafsu seperti makan ingin sekenyangnya dan mempunyai nafsu hina yang tidak terkawal. Orang yang tidak mepunyai iman selalu terdorong bersifat kebinatangan.
108	b	bai'ah	Mengadakan sumpah setia atau membuat perjanjian dengan sesuatu pemerintahan atau kumpulan. Misalnya persetiaan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dengan orang Quraisy Mekah di Hudaibiyah yang dinamai Bai'atur Ridhwan.
109	b	baihaqi	Seorang Imam Hadis yang masyhur berasal dari Khurasan. Namanya Abu bakar bin Husain. Beliau orang yang kuat mempertahankan pendapat mazhab Shafie. Beliau dilahirkan pada 994 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 1066 Masihi.
110	b	bairuni	Seorang yang alim dalam banyak bidang ilmu pengetahuan seperti dalam bidang ilmu falak, kedoktoran dan lain-lain lagi. Beliau adalah orang Parsi yang banyak menulis kitab ilmiyah dalam bahasa Arab.
111	b	baitul atiq	Nama bagi Kaabah bererti rumah kemerdekaan. Kadang-kadang juga disebut Baitullah-Alharam kerana terletak ditengah-tengah tanah haram di Mekah.
112	b	baitulmal	Satu jabatan kewangan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan adat istiadat orang Melayu tiap-tiap negeri di Malaysia. Jabatan ini ditugaskan mengendalikan kewangan seperti memungut hasil zakat dan lain-lain serta membahagi-bahagikan perbelanjaan kepada badan kebajikan yang berhubung dengan ibadat orang Islam sahaja.
113	b	baitul makmur	Sebuah tempat yang terletak di langit yang kutujuh. Nabi s.a.w. pernah menemui Nabi Ibrahim di Baitul Makmur pada malam Israk Mikraj. Ia menjadi kiblat bagi para malaikat di langit dan dikatakan kedudukannya setentang dengan Kaabah di bumi.

114	b	baitullah	Ertinya rumah Allah S.W.T. iaitu sebuah binaan yang terletak ditengah-tengah Masjidil Haram atau lebih dikenali dengan nama Kaabah.
115	b	al-baiyinah	Surah al-Quran yang ke-98. Surah ini mengndungi lapan ayat yang diturunkan di Madinah. Al-Baiyinah bermaksud keterangan kerana Allah menjelaskan ahli kitab dan kaum Musyrikin tidak terlepas daripada menerima keterangan seorang rasul [nabi Muhammad s.a.w.].
116	b	bakhil	Bererti kedekut, tidak mahu membantu orang lain. Bakhil satu tabiat yang keji dan orang yang kedekut akan menerima seksa yang pedih di akhirat kelak.
117	b	baligh	Seorang yang sudah cukup umur atau dewasa. Kanak-kanak lelaki yang sudah cukup umur apabila berusia lima belas tahun dan kanak-kanak perempuan apabila genap dua belas tahun. Mereka yang baligh dipertanggung jawabkan hukum syarak kerana sudah dewasa; lihat juga akil baligh.
118	b	bani israel	satu bangsa yang berasal daripada keturunan Nabi Allah Yaakub a.s. atau yang terkenal dengan panggilan Yahudi. Mereka pada mulanya kaum yang banyak dikurniakan nikmat dan dibangkitkan beberapa orang rasul daripada mereka. Namun disebabkab mereka angkuh, mereka menerima kutukan Allah S.W.T. Israel bererti orang yang suka berjalan malam.
119	b	bani quraizah	Salah satu suku bangsa Yahudi yang mendiami Madinah sebelum Nabi s.a.w. berhijrah. Dalam masa orang Islam menghadapi perang Khandak, mereka selalu berkhianat menyebelahi musuh, walaupun mereka masih dalam perjanjian bersama-sama mempetahankan negara Madinah daripada ancaman musuh. Sebaik saja selesai peperangan itu orang lelaki dewasa mereka dihukum bunuh kerana khianat kepada negara.
120	b	bani umaiyah	Sebuah pemerintah Islam selepas pemerintahan Khulafa' al-Rashidin. Berpusat di Damsyik. Pemerintahannya bermula pada tahun 40 Hijrah hingga 132 Hijrah. Khalifah yang pertama bernama Muawiyah bin Abu Suffian dan yang terakhir bernama Marwan bin Muhammad iaitu seramai 14 orang. Umaiyah diambil sempena nama datuk mereka iaitu Umaiyah bin Abdul Syam.
121	b	baqa'	Salah satu sifat wajib bagi Allah Taala. Baqa' bererti kekal selama-lamanya. Alam akhirat dikatakan alam baqa' yang bermaksud ia akan kekal selama masa dikehendaki oleh Allah S.W.T.
122	b	al-baqarah	Surah al-Quran yang kedua. Surah ini mengndungi 286 ayat yang diturunkan di Madinah. Surah yang

			terpanjang antara surah-surah al-Quran yang lain. Al-Baqarah bermaksud lembu betina. Cerita mengenainya ada disebut dalam beberapa ayat yang berlaku pada zaman Nabi Musa a.s.
123	b	al-baqillani	Namanya Abu Bakar Muhammad bin Taibyang dilahirkan di Basrah. Beliau seorang ulamak tauhid yang terkenal daripada golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
124	b	barzakh	Alam permulaan bagi alam akhirat. Orang yang sudah mati, roh mereka berhimpun di alam barzakh menunggu kebangkitan semula pada hari Kiamat. Alam ini juga disebut alam kubur.
125	b	basmalah	Membaca bismillah hingga akhir. Orang Islam disuruh membaca ayat berkenaan setiap kali memulakan pekerjaan yang tidak dilarang oleh agama agar mendapat keberkatan dan menambahkan kesuburan iman.
126	b	batil	Sesuatu pekerjaan yang tidak benar atau palsu, lawannya hak [yang sebenar]. Ajaran agama Allah S.W.T. adalah ajaran yang hak dan ajaran agama lain adalah ajaran batil.
127	b	al-bazzar	Seorang yang alim dalam ilmu hadis dan penghafaz al-Quran yang terkenal. Namanya Muhammad bin Amir, berasal dari Basrah, Iraq dan meninggal dunia pada tahun 290 Hijrah.
128	b	berhala	Patung yang diperbuat daripada logam atau benda lain untuk dipuja dan disembah bagi menggantikan Tuhan yang sebenar. Perbuatan menyembah berhala adalah bercanggah dengan tabiat semula jadi dan syirik, serta terkeluar daripada agama Islam.
129	b	berkat	Kurniaan yang diharapkan akan datang dari Allah S.W.T. untuk kebaikan dalam kehidupan manusia.
130	b	berzanji	Nama syair atau nazam yang menceritakan tentang benih keturunan kisah kelahiran, perangai budi pekerti Rasulullah s.a.w. yang mulia dan perkara yang bersangkutan dengannya. Dibukukan dan dibacakan dengan berlagu terutamanya pada perayaan sambutan Maulidur Rasul. Pengarangnya Syed Ja'far al-Barzanji.
131	b	bidaah	Suatu kepercayaan akidah atau perbuatan dalam ibadah yang diada-adakan yang bukan daripada asal syarak dan tidak pernah ada pada zaman Rasulullah s.a.w. Perbuatan bidaah adalah sesat dan berdosa.
132	b	bidaah hasanah	Melakukan perkara-perkara yang baik bagi kehidupan di dunia yang tidak pernah dilakukan

			pada zaman Rasulullah s.a.w. usaha ini tidak dilarang oleh agama malah telah dilakukan oleh umat Islam yang telah mencapai kemajuan pada zaman dahulu.
133	b	bilal bin rabah	Nama seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang dilantik oleh Baginda menjadi tukang bang. Pada masa sekarang jawatan tukang bang digelar tukang azan.
134	b	bintu labun	Istilah yang digunakan bagi anak unta betina yang berumur setahun lebih. Ia dijadikan zakat bagi jumlah unta 25 hingga 35 ekor.
135	b	bintu makhad	Istilah yang digunakan untuk anak unta betina yang berumur dua tahun lebih. Ia dijadiak zakat bagi jumlah unta 36 hingga 44 ekor.
136	b	bukhari	Seorang ulama hadis yang terkemuka. Beliau dilahirkan di Bukhar [Rusia] pada tahun 149 Hijrah. Namanya Muhammad bin Ismail telah belajar ilmu hadis sejak berumur sebelas tahun dengan menjelajah seluruh bumi Arab dan mengumpul hadis sebanyak 600.000. Antara kitabnya yang masyhur ialah Al-Jami'a Assahin.
137	b	buraq	Seekor binatang yang didatangkan khas untuk tungangan Nabi s.a.w. pada malam Israk dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa pergi balik. Binatang tersebut lebih kecil daripada kuda, berlari terlalu pantas dan terdapat sayap.
138	b	al-buruj	Surah di dalam al-Quran yang ke-85. Surah ini mengandungi 22 ayat yang diturunkan di Mekah. Al-Buruj bererti bintang-bintang besar kerana di dalam surah ini, Allah S.W.T. telah bersumpah dengan langit yang berbintang akan membalas mereka yang melakukan kezaliman dengan keseksaan.
139	b	busyra	Bererti berita gembira. Orang yang menyampaikan berita dikatakan Bashir. Nabi s.a.w. dinamakan Bashir kerana beliau telah menyampaikan berita balasan nikmat-nikmat syurga bagi terhadap orang yang beramal soleh di akhirat kelak.
140	b	buwaiti	namanya Yusuf bin Yahya, dilahirkan di Buwaiti, sebuah kampung di pendalaman Mesir. Beliau salah seorang ulama terbilang, seorang sahabat karib dan orang kuat Imam Shafie. Beliau meti di dalam penjara kerana mempertahankan pendapat bahawa al-Quran itu Qadim.
141	d	dabbatul ardh	Binatang yang merayap keluar dari perut bumi dan akan merosakkan muka bumi ini. Peristiwa tersebut adalah salah satu daripada sepuluh benda yang akan menjelang hari Kiamat, seperti yang tersebut

			dalam hadis Nabi s.a.w.
142	d	ad-dahr	Surah al-Quran yang ke-76. Surah ini mengandungi 31 ayat diturunkan di Mekah. Ad-Dahr bermaksud masa. Didalam surah ini , Allah S.W.T. telah mengingatkan manusia kerana masa sentiasa beredar dan manusia masih dalam keadaan leka.
143	d	daif	Bererti lemah. Hadis daif bermaksud hadis yang syarat-syarat rawinya tidak kuat. Seperti rawinya belum baligh atau tidak bersambung [boleh diragukan], tidak seperti hadis sahih dan hadis hasan. Hadis daif walaupun tidak boleh menjadi sumber hukum halal dan haram, tetapi boleh digunakan untuk menyatakan kelebihan-kelebihan amalan.
144	d	ad-dailami	Namanya Shahradar bin Syirawih, dilahirkan di Dailam. Beliau seorang ulama hadis. Di antara kitab hadisnya ialah kitab Al-Firdaus. Beliau meninggal dunia pada tahun 557 Hijrah.
145	d	dajal	Ertinya penipuan. Dajjal kecil bermaksud pengacau yang memecah-belahkan umat Islam. Dajjal besar ialah pembohong yang sangat pandai memperdayakan dan menyesatkan orang ramai. Ramai orang yang kurang imannya terpedaya dengannya. Dajjal besar muncul sebagai tanda dunia hampir Kiamat. Kita diajar memohon perlindungan kepada Allah S.W.T. daripada fitnah Dajjal.
146	d	dakwah	Satu usaha mengajak orang ramai mengerjakan kebajikan dan meningngalkan segala kemungkaran. Usaha dakwah sangat mulia. Otrang yang berdakwah dianggap menyambung tugas Rasulullah s.a.w. tetapi hendaklah dijalankan dengan bijak supaya tidak memaksa orang lain.
147	d	dalil	Keterangan yang menunjukkan kepada sesuatu atau ayat al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. yang menjadi sumber terbit hukum syarak.
148	d	dam	1-Bererti darah. Islam melarang memakan darah binatang.2- Denda yang dikenakan ke atas peserta haji yang melakukan larangan atau tidak melakukan wajib haji. Dam ada empat jenis iaitu dam tertib taqdir, dam tertib ta'dil, dam takhir ta'dil dan dam takhir taqdir.
149	d	dam ihsar	Denda kerana tidak dapt meneruskan ibadat haji kerana ditahan oleh pihak yang berkuasa atau dan sebagainya. Orang yang berkenaan hendaklah menyembelih seekor kambing dan bercukur atau bergunting rambut dengan niat tahalul.

150	d	dam takhir takdil	Denda yang wajib dilakukan oleh jemaah haji yang melakukan kesalahan yang tertentu. Dendanya sama ada menyembelih binatang yang seumpama buruannya atau bersedekah makanan dengan nilai binatang itu atau berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang dibeli dengannya.
151	d	dam takdir takdir	Dam yang wajib dibayar oleh jemaah haji yang melakukan kesalahan yang tertentu. Damnya boleh dipilih sama ada menyembelih seekor kambing atau bersedekah 12 cupak makanan kepada enam orang fakir miskin atau berpuasa selama tiga hari.
152	d	dam tertib takdil	Denda yang wajib dilakukan oleh jemaah haji yang melakukan kesalahan tertentu. Dendanya ialah menyembelih seekor unta, jika tidak mampu hendaklah seekor lembu. Jika tidak mampu juga hendaklah tujuh ekor kambing. Jika tidak berkuasa juga hendaklah bersedekah sebanyak harga unta dan kalau tidak berkuasa juga hendaklah berpuasa beberapa hari mengikut bilangan cupak makanan yang boleh dibeli dengan harga unta.
153	d	dam tertib takdir	Denda yang wajib dilakukan oleh jemaah haji yang melakuaknkesalahan tertentu. Dendanya ialah menyembelih seekor kambing untuk fakir miskin. Jika tidak mampu hendaklah berpuasa selama sepuluh hari iaitu tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari setelah pulang ke tanah air.
154	d	daru- qutni	Namanya Ali bin Umar. Dilahirkan di Baghdad pada tahun 306 Hijrah. Beliau merupakan seorang imam hadis yang masyhur. Antara kitab hadis yang ditulisnya ialh kitab As-Sunnan. Beliau meninggal dunia pada tahun 385 Hijrah.
155	d	daru-jalal	Nama salah sebuah syurga di akhirat.
156	d	darul-jaza'	Negeri tempat manusia mendapat balasan baik atau jahat, mengikut amalan yang dilakukan semasa hidup di dunia atau dinamai negeri akhirat.
157	d	darurat	Keadaan seseorang ketika dalam kecemasan. Contohnya sesat di dalam hutan, tiada makanan untuk menyambung hidupnya selain daripada bangkai maka dia harus makan bangkai itu hanya untuk melepaskan hajat saja.
158	d	darus salam	Nama salahsebuah syurga.
159	d	darwin	Seorang ahli falsafah barat yang berpendapat bahawa manusia itu berasal daripada beruk. Pendapat itu tidak benar kerana manusia berketurunan daripada Nabi Adam a.s. dan Nabi

			Adam a.s. dijadikan daripada tanah.
160	d	dasar tauhid	Asas kepercayaan agama yang percayakan Tuhan itu satu iaitu Allah S.W.T. Kepercayaan itu berdasarkan daripada rukun iman yang enam.
161	d	daud [nabi].	Salah seorang daripada rasul pilihan. Nmanya Daud bin Ashiya, dilahirkan di Baitul Laham. Beliau dikurniakan kitab Zabur dan suaranya merdu bila membaca kitab Zabur. Beliau membunuh Raja Jalut yang zalim, kemudian beliau dilantik menjadi raja dan memerintah kaum Bani Israel dengan adil.
162	d	dhirabul kahfi	Air benih binatang ternakan. Islam melarang menjual air benih tersebut tetapi menggalakkan meminjamkan saja ternakan jantan uantuk pembiakan.
163	d	diat	Hukuman yang berbentuk ganti rugi yang dikenakan ke atas penbunuh setelah waris orang yang dibunuhnya itu memaafkan kesalahannya, jika tidak dimaafkan ia akan dikenakan hukuman qisas.
164	d	dibagh	Menyamak kulit binatang,. Semua kulit binatang yang aliun daripada anjing dan babi menjadi suci dengan disamak. Caranya sila lihat pada bab samak.
165	d	dirayah	Ilmu yang membahaskan makna atau maksud perkataan-perkataan di dalam hadis bersandarkan kaedah bahasa.Ia satu cabang daripada ilmu hadis.
166	d	doa	Memohn sesuatu hajat atau pertolongan daripada Allah S.W.T. Berdoa boleh dilakukan dimana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Orang Islam digalakkan berdoa kerana doa intisari ibadat.
167	d	doa iftitah	Doa yang dibaca selepas takbirratul ihram dan sebelum membaca Al-Fatihah di dalam sembahyang.
168	d	doa ma'thur	Doa-doa yang pernah dibaca atau diamalkan oleh Nabi s.a.w. semasa hayatnya. Mengamalkan doa ma'thur lebih baik daripada doa yang lain.
169	d	dubur	Kemaluan belakang bagi lelakiatau perempuan. Atau tempat laluan buang air besar.
170	d	ad-duha	Surah al-Quran yang ke-93. Surah ini mengandungi 11 ayat yang diturunkan di Mekah. Ad-duha bererti waktu pagi kerana Allah S.W.T. telah bersumpah dengan waktu duha bahawa Dia tidak akan sekali-kali meninggalkan Nabi s.a.w. sepertimana yang dikatakan oleh orang kafir.

171	d	duha	Waktu pagi dari matahari naik segalah pada pandangan hinggalah mataharitergelincir. Sunat melakukan sembahyang Duha [sembahyang sunat].
172	f	fadilah	Kelebihan atau pahala yang akan diperoleh oleh orang yang melakukan sesuatu amalan. Banyak hadis yang meriwayatkan tentang kelebihan mengerjakan amalan-amalan kebajikan.
173	f	fahisyah	Perkara-perkara keji dan buruk dari sudut pandangan agma dan amsyarakat seperti mencuri, membunuh, melakukan sesuatu yang menyusahkan orang ramaidan sebagainya. Agama Islam melarang kita melakukan perkara yang keji.
174	f	al-fai	Harta tawanan perang yang didapati tanpa peperangan. Umpamanya musuh cabut lari sebelum berlaku peperangan dengan meninggalkan harta mereka. Harta tersebut dijadikan harta milik negara.
175	f	fajar kazib	Cahaya yang terbit di kaki langit kelihatan menjurai-jurai menjelang waktu subuh. Cahaya ini terbit sekejap sahaja. Kemudian langit gelap semula, tidak lama selepas itu baru terbit fajar kedua dan masuk waktu subuh.
176	f	fajar sadik	Cahaya yang terbit melintang di kaki langit yang membawa kepada hari siang. Denagn masuk fajar kedua ini menandakan telah masuk waktu subuh.
177	f	fakir	Orang yang berhajat kepada pertoongan. Contohnya manusia fakir kepada Allah S.W.T. 2- Orang yan tida pendapatan langsung dan tiada menanggung nafkahnya. Orang ini tidak diwajibkan membayar zakat tetapi layak menerima zakat.
178	f	al-falaq	Surah al-Quran yangke-113. Surah ini mengandungi lima ayat yang diturunkan di Mekah. Al-falaq bererti makhluk kerana di awal surah ini Allah S.W.T. memerintahan Nabi s.a.w. memohon perlindungan dariNya, daripada segala bahaya.
179	f	fana	Sesuatu yang tidak kekal, akan binasa seperti dunia yang ada sekarang. Apabial tiba masanya ia akan binasa. Lawan fana ialah baqa' iaitu kekal slamanya. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang kekal selama-lamanya.
180	f	faqih	Orang yang mahir dalam ilmu feqah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara tersebut.
181	f	al-farabi	Namanya Muhammad bin Muhammad, dilahirkan di Turkistan pada tahun 780 Masehi dan meninggal dunia pada tahun 950 Masehi. Beliau seorang yang mahir dalam bidang muzik, matematik dan bahasa asing. Namun yang menonjol sekali ialah dalam

			bidang ilmu falsafah sehingga ia dikenali dengan panggilan al-Mu'alim Assani atau guru kedua.
182	f	faraid	Ilmu yang menyatakan tentang cara dan hukum harta pusaka dibahagikan kepada waris si mati mengikut hukum syarak.
183	f	fardu ain	Perkara-perkara yang wajib dilakukanoleh tiap-tiap orang yang mukalaf. Contohnya mengetahui bahagian-bahagian najis dan cara menyucikannya.
184	f	fardu kifayah	Perkara-perkara yang diwajibkan ke atas sekumpulan orang Islam untuk mengerjakannya. Apabila salah seorang dari mereka telah melakukannya maka terlepaslah tanggungan yang lainnya. Namun sekiranya, tidak ada seorang pun yang melakukannya maka semua daripada mereka berdosa. Contohnya, dalam sembahyang mayat, jika ada beberapa orang yang melakukannya maka terlepaslah tanggungan mereka semua dari dosa.
185	f	al-faruq	Gelaran yang diberikan kepada Umar Al-Khattabkerana siakp beliau yang tegas dalam membezakan yang hak dan yang batil.
186	f	fasakh	Perceraian pasangan suami isteri yang dilakukan oleh hakim atas permintaan pihak isteri dengan sebab-sebab tertentu.
187	f	fasik	orang yang melakukan dosa besar tanpa betaubat. Atau orang yang melakukan dosa kecil yang berlarutan dan orang yang melakukan kejahatan sesama manusia.
188	f	al-fatihah	Antara surah al-Quran yang terpenting kerana surah ini satu daripada rukun sembahyang. Tanpa membacanya sembahyang tidak sah. Surah ini mengandungi tujuh ayat yang diturunkan di Mekah. Al-fatihah bermaksud pembukaan.
189	f	fatimah al-zahra	Puteri bongsu Rasulullah s.a.w. yang telah berkahwin dengan Sayidina Ali bin Abi Talib. Dikurniakan dua putera lelaki iaitu Hassan dan Hussain. Daripada mereka berdua berkembang keturunan Rasulullah s.a.w. Al-Zahra ialah gelaran yang diberikan kepada beliau yang bermaksud suci dan bersih.
190	f	fatimiah	Sebuah kerajaan Islam lanjutan daripada pemerintahan Saidina Ali di Tunisia yang bermula pada tahun 297 Hijrah selama 250 tahun dengan sebanyak 14 orang khalifah. Pengasas dinasti ini ialah Mahdi Ubaidullah.
191	f	al-fatir	Surah al-Quran yang ke-35. Surah ini mengandungi 45 ayat yang diturunkan di Mekah. Fatir bermaksud

			yang mencipta kerana dalam surah ini Allah S.W.T. sebagai pencipta yang berkuasa penuh menjadikan makhluk mengikut kehendakNya.
192	f	fidak	Benda-benda yang dijadikan tebusan untuk melepaskan tawanan daripada pihak musuh.
193	f	fidyah	Bersedekah makanan kepada fakir miskin sebagai denda. Umpamanya orang yang tidam mengqadha' puasanya hingga ketahun berikutnya. Maka ia wajib membayar fidyah dan qadha' puasa.
194	f	fiqah	Ilmu perundangan Islam mengenai tiap-tiap perlakuan orang yang telah mukalaf. Ilmuini mempunyai hukum wajib, sunat, haram, makruh, harus, sah dan batal.
195	f	al-fil	Surah al-Quran yang ke-105. Surah ini mengandungi lima ayat yang diturunkan di Mekah, Al-Fil bermaksud gajah. Kerana Allah S.W.T. menceritakan tentang tentera Abrahah yang bergajah datang ke Mekah untuk membinasakan Kaabah. Tetapi mereka telah dibinasakan oleh Allah S.W.T. dengan burung yang lebih kecil berbanding gajah mereka.
196	f	firaun	Nama satu keturunankerajaan yang memerintah di negara Mesir. Bermula kira-kira 3000 tahun sebelum Masehi. Dinasti ini mempunyi 30 orang pemerintah. Ramses II ialah raja yang memerintah semasa Nabi Musa a.s.
197	f	firdaus	Nama salah sebuah syurga yang paling baik di akhirat.
198	f	firman	Perkataan yang datang daripad Allah S.W.T. Jika perkataan itu datangnya dari Nabi s.a.w. ia dinamakan sabda.
199	f	fitnah	1-menabur fitnah bermaksud menyebar cerita yang tidak benar dan buruk kepada orang ramai. Akibatnya masyarakat akan menjadai huru hara. Perbuatan sedemikian adalah sangat dilarang oleh agama. 2- Melakukan kezaliman dan halangan terhadap orang Islam kerana mereka beriman dengan agama Islam.
200	f	fitrah	1-Semula jadi. 2- Bersedekah segantang makanan yang mengenyangkan pada Hari Raya Puasa kepada orang yang layak menerimanya atau membayar harga makanan tersebut kepada amil.
201	f	fuqaha'	Mereka yang sangat alim dalam ilmu feqah dan yang berhubung dalam perkara itu.

202	f	al-furqan	Surah al-Quran yangke-25. Surah ini mengandungi 77 ayat yang diturunkan di Mekah. Al-Furqan bermaksud membezakan perkara yang benar dan yang salah. Dan di dalamnya Allah S.W.T. memberi amaran kepada penghuni alam mengenai bahaya azab terutamanya oranga yang menyekutukanNya.
203	f	furqan	Satu daripada nama al-Quran, yang bermaksud membezakan perkara yang salah dan yang benar.
204	f	fusilat	Surah al-Quran yang ke-41. Surah ini mengandungi 54 ayat yang diturunkan di Mekah. Fusilat bererti penjelasan yang sejelas-jelasnya.
205	g	al-ghaffar	Salah satu daripada nama Allah S.W.T. [al-asma' al-husna]. Yang bererti Maha Pengampun. Sesiapa yang membacanya seratus kali selepas sembahyang Jumaat akan zahir baginya tanda keampunan dos.
206	g	al-ghaffur	Salah satu nama Allah S.W.T. [al-asma' al-husna] yang bererti Maha Mengampuni. Sesiapa yang membacanya ke atas orang yang sedang sakit seperti demem, Insya Allah dia akan sembuh.
207	g	ghanimah	Tawanan perang sama ada harta, senjata, orang tawanan, harta yang boleh dipindahkan atau harta yang tidak boleh dipindahkan.
208	g	gharib	Ertinya ganjil atau pelik. Hadis gharib bererti hadis yang ditamabh matannya [teksnya] oleh salah seorang perawinya.
209	g	gharibul-quran	Satu ilmu yang khusus membicarakan dan menerangkan erti perkatan ganjil yang terdapat di dalam Al-Quran.
210	g	gharim	orang yang terhutang untuk membelanjakan sesuatu yang baik dan tidak mampu membayarnya. Orang ini layak menerima zakat harta.
211	g	al-ghasyiah	Surah al-Quran yang ke-88.Surah ini mengandungi 26 ayat dan diturunkan di Mekah. Ianya bererti Kiamat.
212	g	al-ghazali	Namanya Muhammad bin Muhammad Ghazali atau lebih dikenali dengan panggilan Abu Hamid. Beliau dilahirkan di Khurasan pada tahun 450 Hijrah. Dan meninggal dunia pada tahun 505 Hijrah. Beliau sangat gigih menuntut ilmu sehingga sehingga menjadi seorang ulama yang terbesar dan mahir dalam semua bidang ilmu agama terutamanya ilmu tasawwuf dan beliau terkenal di seluruh dunia. Antara karangannya yang terpenting hingga sekarang ialah Ihya 'Ulumiddin.

213	g	ghibah	Ertinya menyebut keburukan seseorang kepada orang lain sekali pun ianya benar [mengumpat]. Hukumnya berdosa besar.
214	g	ghitbah	Perasaan ingin mencapai kejayaan seperti orang lain. Sifat ini dipuji oleh Allah S.W.T.
215	h	habil	Seorang anak Nabi Adam a.s. yang telah diterima ibadat korbannya. Habil dibunuh abangnya kerana cemburu.
216	h	hablul-hablah	Anak biantang yang masih dalam kandungan perut ibunya. Ia tidak sah dijual beli.
217	h	hadas	Keadaan seseorang yang tidak boleh melakukan ibadat tertentu sehingga dihilangkan hadasnya terlebih dahulu. Terdapat dua jenis hadas iaitu hadas kecil dan hadas besar. Cara menghilangkan hadas kecil ialah dengan mengambil wuduk dan hadas besar dengan mandi wajib.
218	h	al- hadi	Salah satu daripada nama Allah [Al-asma' al-husna] yang bermaksud Yang Memberi Petujuk kepada mana-mana hambaNya yang dikehendaki.
219	h	al-hadid	Surah al-Quran yang ke-57. Surah ini mengandungi 29 ayat yang diturunkan di Madinah. Al-Hadid bermaksud besi kerana kerana di dalamnya Allah S.W.T. menjelaskan, Dialah yang menjadikan besi yang kuat untuk kegunaan manusia dalam hidupnya.
220	h	hadis	Perbuatan, perkataan atau ikrar Rasulullah s.a.w. Hadis juga dikenali sebagai As-Sunnah. Hadis bermacam darjat, ada hadis sahih dan ada hadis dhaif.Di dalam perundangan, hadis menjadi sumber hukum selepas Al-Quran.
221	h	hadis qudsi	Hadis yang mana ertinya daripada Allah S.W.T. dan lafaznya disusun oleh Rasulullah s.a.w.
222	h	al-hafiz	Salah satu daripada nama Allah S.W.T. [al-asma' al-husna] yang bermaksud Yang Melindungi makhlukNya daripada bahaya dan kemusnahan.
223	h	haid	Darah bulanan yang keluar dari rahim perempuan yang sudah baligh, ia juga disebut sebagai datang kotor. Masa haid paling lama ialah 15 hari 15 malam dan paling cepat ialah 24 jam. Masa biasanya 6 atau 7 hari.
224	h	al-haiyu	Satu daripada nama Allah [al-asma' al-husna] yang bermaksud yang hidup selama-lamanya dan tidak akan mati.

225	h	al-haj	Surah al-Quran yang ke-22. Ia mengandungi 78 ayat yang diturunkan di Madinah. Sebab dinamai surah al-Haj kerana di dalamnya terdapat perintah Allah S.W.T. kepada Nabi Ibrahim supaya mengajak manusia mengerjakan ibadat haji.
226	h	hajarul aswad	Sebuah batu hitam yang terletak di sudut sebelah timur Kaabah. Ia menjadi tempat bermula mengerjakan tawaf dan juga tempat orang habis mengerjakan tawaf.
227	h	haji	Ibadat yang wajib dilakukan di tempat tertentu sahaja. Iaitu di Mekah dan akan dilakukan pada masa dan bulan yang tertentu.
228	h	al-hakam	Satu daripada nama Allah S.W.T. yang wajib kita percayai. Bererti Yang Maha Menentukan Hukuman perkara-perkara yang berlaku ke atas makhluknya dan tiada siapa yang dapat menghalang. Sesiapa yang berzikir "Ya hakam" pada tengah malam dalam keadaan suci dan khusyuk sebanyak 68 kali, Allah S.W.T. akan menjadikan hatinya tempat hikmat.
229	h	hakikat	Ertinya makna yang sebenar atau makna yang asal bagi sesuatu benda. Lawan perkataan hakikat ialah majaz iaitu bukan makna yang sebenar, cuma pinjaman sahaja.
230	h	al-hakim	Satu daripada nama Allah S.W.T. [al-asma' al-husna] yang bermaksud yang Maha Bijaksana.Tiap-tiap sesuatu ciptaanNya mempunyai tujuan yang tidak sia-sia. Jika dibaca 300 kali "Ya hakim" tiap-tiap hari, akan dibuka pintu hikmat dan dijauhkan segala yang memudaratkan dengan izin Allah S.W.T.
231	h	halal	Satu daripada hukum feqah yang bermaksud yang tidak ditegah untuk melakukannya atau meninggalkannya. Ia sama ertinya dengan mubah.
232	h	al-halim	Salah satu nama daripada al-asma al-husna yang bermaksud Yang Maha Penyantun dan Maha Penyabar kepada makhluk-makhlukNya yang meminta ampun.
233	h	halimah saadiah	seorang wanita daripada Bani Saad yang menjadi ibu angkat dan ibu susuan kepada Rasulullah s.a.w. semasa kecil.
234	h	halkum	Penbuluh pada leher binatang iaitu tempat pernafasan yang wajib dipotaong ketika menyembelih.
235	h	halqah zikir	Bentuk bulatan para peserta yang biasa dibuat dalam majlis berzikir dengan diketuai oleh seorang pemimpin atau imam.

236	h	hamdalah	Mengucap perkataan "Alhamdulillah" yang bererti segala puji bagi Allah. Kita disuruh selalu memuji Allah S.W.T terutamanya ketika mendapat nikmat atau kurniaan.
237	h	hams	Satu daerah di negara Syria. Ditakluki oleh tentera Islam di bawah pimpinan Khalid bin Al-Walid semasa pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab.
238	h	hamzah bin abd.muttalib	Bapa saudara nabi s.a.w. yang banyak membantu dalam menegakkan agama Islam pada peringkat permulaan. Beliau sangat tangkas dalam peperangan sehingga digelar "Singa Allah" dan terlorban dalam perang Uhud kerana dibunuh oleh Wahsyi. Beliau gugur sebagai Saiyidul-Syuhada'.
239	h	hamzah qata'	Huruf hamzah yang wujud pada awal kalimah dan tetap dibunyikan pada bacaan sekalipun kalimah itu bersambung dengan kalimah sebelumnya.
240	h	hamzah wasal	Huruf hamzah yang wujud pada awal kalimah, tetapi kalau kalimah tersebut dibaca bersambung dengan kalimah sebelumnya, bunyi hamzah pada sebutannya. Wasal bererti bersambung mengikut tajwid.
241	h	haqah	Istilah yang digunakan bagi unta yang sudah berumur tiga tahun lebih. Jika memiliki unta diantara 40 hingga 60 ekor wajib dizakatkan seekor unta haqah.
242	h	harakat	Baris [tanda bacaan] pada huruf-huruf al-Quran. Iaitu tanda baris atas, bawah, hadapan dan tanda mati.
243	h	haram	1- Satu daripada hukum feqah yang bermaksud berdosa jika dilakukan. 2- kawasan suci yang terdapat di keliling masjid Mekah dan masjid di Madinah. Orang bukan Islam dilarang memasuki kawasan ini.
244	h	harbi	Golongan orang kafir yang memusuhi dan mengancam orang Islam atau kerajaan Islam. Mereka hendaklah diperangi sehingga mereka tidak berdaya mengancam orang Islam lagi.
245	h	harim	Perempuan yang haram bernikah dengan seseorang lelaki. Dia boleh bergaul bersamanya. Isteri juga dikatakan harim.
246	h	harmoni	Sesuai dan baik. Contohnya kita rakyat Malaysia hendaklah hidup dengan keadaan baik dan haomoni.
247	h	harun	Salah seorang daripada nabi dan rasul pilihan. Saudara daripada Nabi Musa a.s. dan menjadi

			pembantu kepadanya dalam menegakkan seruan agama Allah S.W.T.Beliau pernah memangku tugas Nabi Musa a.s. ketika beliau sedang bermunajat di Bukit Tursina.
248	h	harus	Perkara yang diberi kebebasan oleh syarak untuk melakukannya atau tidak . Contohnya makan, minum dan lain-lain lagi.
249	h	harut marut	Dua malaikat yang diturunkan oleh Allah S.W.T. ke dunia untuk mengajar manusia ilmu sihir bagi mempertahankan diri daripada ancaman ilmu sihir. Namun setengah-setengah daripada manusia itu menggunakan ilmu sihir untuk membuat kejahatan.
250	h	hasad	Iri hati melihat orang lain mendapat kesenangan dan ingin supaya kesenangan itu hilang daripadanya. Sifat hasad sangat dicaci oleh Islam dan orang yang berhasad itu berdosa besar.
251	h	hasan	Hadis hasan ialah hadis yang bersambung-sambung sanadnya dari awal hingga akhir. Tiada kecacatan pada perawi-perawinya. Cuma ingatan mereka kurang sempurna.
252	h	al-hasyar	Surah al-Quran yang ke-59. Surah ini mengandungi 24 ayat yang diturunkan di Madinah. Al-Hasyar bererti pengusiran kerana di dalam surah ini Allah S.W.T. menjelaskan bahawa Dialah yang mengisir Yahudi yang hendak memerangi Rasulullah s.a.w. dari Madinah.
253	h	hauqalah	Mengucap perkataan "La haula wala kuwwata illa billah] yang bererti tiada daya dan kekuatan melainkan pertolongan daripada Allah.
254	h	hawa	Isteri kepada Nabi Adam a.s. Dia dijadikan oleh Allah S.W.T. tanpa ibu. Mereka berdua diturunkan ke bumi dan dikurniakan beberapa pasangan anak yang menjadi asal uslul manusia.
255	h	hawiah	Sebuah neraka untuk meeka yang melanggar perintah Allah S.W.T. di akhirat kelak. Ia dikatakan neraka yan paling dahsyat sekali, jika dibandingkan dengan enam buah neraka yang lain.
256	h	hayati	Menggunakan sesuatu dengan berterusan atau menjadikan sesuatu sebagai amalan biasa.
257	h	hebah	Menghadiahkan sesuatu benda atau barang kepada orang lain. Setelah diberikan kepada orang yang diberi, ianya tidak boleh diambil semula.
258	h	hidayat	pimpinan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada sesiapa yang dikehendakinya untuk

			mencapai jalan yang lurus dan benar.
259	h	hidir [nabi]	Setengah ulama mengatakan Hidir itu nabi. Dan setengah pula mengatakan beliau hanya wali Allah S.W.T. Terdapat cerita-cerita rekaan yang mengatakan Hidir masih hidup hingga sekarang.
260	h	hijir ismail	Satu tembok berbentuk bulan sabit. Terletak diantara sudut Syam dengan Iraki di dalam bangunan Kaabah. Para haji yang sudah melakukan tawaf disunatkan mengerjakan sembahyang sunat dua rakaat di sini.
261	h	al-hijr	Surah al-Quran yang ke-15. Surah yang mengandungi 99 ayat yang diturunkan di Mekah. Al-Hijr bererti nama suatu tempat yang ada kaitan dengan peristiwa mengenai kaum Thamud.
262	h	hijrah	Peristiwa perpindahan Rasulullah s.a.w. dari Mekah ke Madinah untuk mengatur dakwah yang stategis. Satu lagi ialah perpindahan orang Mekah ke Habsyah kerana mencari perlindungan dari kekejaman orang Quraisy di Mekah. Dari mula perpindahan Rasulullah s.a.w. itu bermulalah kalendar orang Islam.
263	h	hikmat	1-Tujuan disebalik sesuatu ibadat yang disuruh kita melakukannya. Contohnya hikmat kita disuruh mengerjakan ibadat haji supaya berpeluang mengenali orang -orang Islam dari seluruh pelosok dunia. 2- Kata-kata bijak pandai atau falsafah yang terbit daripada pujangga.
264	h	hisab	Kiraan yang dijalankan terhadap perbuatan yang dilakukan oleh manusia sama ada perlakuan baik atau jahat yang akan ditentukan di Padang Mahsyar kelak. Berdasarkan hisab inilah manusia akan dimasukkan dalam syurga atau neraka.
265	h	hira'	Sebuah gua di Jabal Nur yang terletak kira-kira lima kilometer dari Mekah. Gua inilah tempat yang dijadikan oleh Nabi s.a.w. mengasingkan diri sebelum menjadi rasul. Dan kiranya disinilah tempat pertama Rasulullah s.a.w. menerima wahyu yang pertama.
266	h	hiwalah	Memindahkan utang tanggungan seseorang kepada orang lain yang akn membayarnya. Perkara ini boleh dilakukan asal orang yang baru menanggungnya itu mampu menjelaskannya.
267	h	hud	1- Surah al-Quran yang ke-11. Surah ini mengandungi 123 ayat yang diturunkan di Mekah. Hud adalah salah satu daripada rasul pilihan yang diutuskan kepada kaum 'Ad di Hadhramaut. Lalu

			Allah menurunkan bala kepada mereka iaitu kemarau panjang. Nabi Hud berpindah ke Mekah dan wafat ketika berumur 150 tahun.
268	h	hudaibiyah	Nama sebuah tempat kira-kira enam kilometer dari Mekah. Tempat ini menjadi bersejarah kerana Rasulullah s.a.w. telah membuat perjanjian dengan mengadakan gencatan senjata bersama kerajaan Mekah dalam tahun enam Hijrah. Tetapi perjanjian ini telah dicabuli oleh orang Quraisy Mekah yang telah membuka jalan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menawan Mekah dalam tahun 8 Hijrah.
269	h	hudnah	Perjanjian damai diantara orang Islam dan kafir. Mereka yang menerima perjanjian ni dikatakan kafir Ma'ahad. Perjanjian ini berkuat kuasa tidak lebih daripada sepuluh tahun sahaja.
270	h	hudud	Sempada atau peraturan. Al-Quran menyebut hudu sebagai hukuman Allah yang sudah ditetapkan keatas penjenayah. Contohnya hudud bagi penzina yang muhsan iaitu direjam sampai mati dan mencuri pula dipotong tangan.
271	h	al-hujurat	Surah al-Quran yang ke-49. Surah ini mengandungi 18 ayat yang diturunkan di Madinah. Ia bererti bilik -bilik tempat isteri-isteri Rasulullah s.a.w. .
272	h	hukum	Setiap perintah Allah S.W.T. atau rasul sama ada disuruh melakukan sesuatu atau menegah dari melakukannya atau menjelaskan mengenai sesuatu.
273	h	hukum tilawah	Hukum atau kaedah membaca al-Quran atau tajwid.
274	h	hukum wadh'I	Perintah Allah yang ada kaitan dengan sesuatu perkara yang berupa sebab atau syarat atau lain-lainnya.
275	h	husnul khatimah	Berkesudahan denga yang baik. Orang Islam disuruh memohon husnul khatimah seperti meminta mati dengan keadaan beriman dan beramal soleh.
276	h	hutamah	Sebuah neraka di akhirat kelak yang mana apinya berkobar-kobar sehingga memakan hati penghuninya, sedangkan mereka terikat pada tiang dan pintu neraka ditutup.
277	I	ibadat khusus	Ibadat yang ditentukan ke atas setiap individu untuk melakukannya. Seperti ibadat sembahyang, puas dan lain-lain lagi.
278	I	iblis	Makhluk Allah S.W.T. daripada jenis jin. Asalnya ia sangat taat beribadat kepada Allah S.W.T. dan menjadi pemimpin malaikat tetapi kerana dengki

			dan lahir perasaan takbur kepada Nabi Adam a.s. menjadikan mereka kafir. Kini iblis berusaha bersungguh-sungguh untuk menyesatkan manusia agar mereka masuk bersama-samanya ke dalam neraka kelak.
279	I	ibnu abas	namanya Abdullah bin Abbas [sepupu Rasulullah s.a.w.]. Dilahirkan di Mekah dua tahun sebelum Hijrah. Seorang sahabat yang sangant alim, bijak dam kuat beribadat. Banyak meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. dan meninggal dunia di Taif pada tahun 68 Hijrah.
280	I	ibnu arabi	Namanya Muhammad bin Abdullah yang dilahirkan pada tahun 468 Hijrah dan meninggal pada tahun 543 Hijrah. Seorang daripada ulama Islam yang terkenal dalam bidang ilmu al-Quran, hadis dan feqah. Namun begitu lebih terkenal dalam bidang ilmu tasawuf dan banyak mengarang kitab mengenai ilmu tersebut.
281	I	ibnu batutah	Namanya Abdullah At-Tanji yang dilahirkan pada tahun 702 Hijrah di Morocco.Seorang pengembara Islam yang pernah menjelajah dunia dan serta membuatkajian dengan teliti tentang sesebuah masyarakat yang dilawatinya. Antara bukunya yang terkenal ialah Tuhfatun Nazar. Bukunya ini sangat penting kepada pengembara Barat untuk mengetahui geografi dan keadaan sesebuah negara.
282	I	ibnu hibban	Namanya Muhammad bin Hibban. Beliau dilahirkan di Sijistan dan mengembara ke beberapa tempat kerana mencari ilmu sehingga menjadi pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Beliau paling terkenal dalam ilmu hadis dan sejarah.
283	I	ibnu ishak	Namanya Muhammad bin Ishak al-Madani. Beliau terkenal sebagai ulama hadis dan sejarah. Antara bukunya yang terkenal ialah Siratu Nabawiyah. Setelah berhijrah ke beberapa buah tempat akhirnya beliau menetap di Baghdad dan meninggal dunia di sana.
284	I	Ibnu Jauzi	Namanya Muhammad bin Ahmad Jauzi. Beliau merupakan ulama terkenal dalam mazhab Maliki. Antara kitabnya yang terkenal ialah al-Qawaninul Fiqhiyah yang membicarakan tentang sirah rasul, ilmu kalam, feqah dan tasawwuf. Beliau meninggal dunia pada tahun 741 Hijrah.
285	I	ibnu kathir	Namanya Ismail Umar yang dilahirkan pada tahun 701 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 774 Hijrah di Damsyik. Beliau paling terkenal dalam ilmu tafsir dan sejarah. Antara karyanya yang kekal ialah Tafsir Ibnu Kathir.

286	I	ibnu majah	Namanya Muhammad bin Yazid al-Qazwini. Beliau dilahirkan pada tahun 209 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 273 Hijrah. Beliau seorang ulama hadis yang termasyhur. Antara kitabnya yang terkenal ialah As-Sunan Ibnu Majah.
287	I	ibnu mas'aud	namanya Abdullah bin Mas'aud. Salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkenal dan yang mula-mula memeluk agama Islam. Beliau alim dalam pembacaan al-Quran dan banyak meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 32 Hijrah.
288	I	ibnu qaiyim	Namanya Muhammad bin Abu Bakar Syamsudin. Beliau dilahirkan pada tahun 691 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 751 Hijrah. Beliau seorang ulama yang terkenal dan luas pengetahuan serta banyak membuat penyelidikan. Beliau juga adalah murid kepada Ibnu Taimiyah. Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan pendapatnya dan banyak menuls kitab.
289	I	ibnu rusyd	Namanya Muhammad bin Ahmad bin Rusyd. Di Barat beliau terkenal denga nama Averroes, dilahirkan pada tahun 520 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 595 Hijrah. Beliau terkenal dengan ilmuan Islam dan ahli falsafah yang banyak menggunakan akal fikiran dan falsafah Aristotle dan tidak sehaluan dengan Imam Ghazali. Buku karangannya yang terkenal ialah Biyadatul-Mujtahid.
290	I	ibnu sabil	Maksudnya orang yang meninggalkan rumahtangga dan keluarga untuk bermusafir. Mereka bermusafir kerana mencari keredhaan Allah S.W.T. seperti mencari ilmu dan sebagainya. Mereka berhak mendapat bantuan dan zakat harta.
291	I	ibnu sina	Namanya Abu Ali bin Abdillah bin Sina. Orang Barat memanggilnya Avicenna. Beliau dilahirkan di Parsi pada tahun 370 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 428 Hijrah. Beliau seorang yang terkenal terutamanya dalam bidang falsafah dan kedoktoran. Antara karyanya yang masih dipakai ialah Al-Qanun iaitu kitab mengenai perubatan dan An-Najab iaitu buku falsafah.
292	I	ibnu taimiyah	Namanya Taqiyuddin bin Abdul Slam. Beliau dilahirkan pada tahun 661 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 728 Hijrah. Beliau merupakan ulama yang masyhur yang bergelar Syeikhul-Islam. Beliau sungguh gigih memberikan pendapat dan berani menegur masyarakat akan perkara-perkara yang pada pendapatnya tidak betul iaitu mengikut ajaran agama Islam. Banyak buku tulisannya yang menjadi sumbar rujukan para ulama yang kemudian.

293	I	ibnu umar	Namanya Abdullah bin Umar al-Khattab. Anak sulung Khalifah Umar al-Khattab. Beliau sangat bertaqwa dan kuat beribadat. Beliau dihormati dan hampir setanding dengan Khulafa' Ar-Rasyidin. Beliau pernah berperang bersama Rasulullah s.a.w. dan merupakan seorang perawi hadis Nabi s.a.w. .
294	I	ibrahim [surah]	Surah al-Quran yang ke-14. Surah ini mengandungi 52 ayat yang diturunkan di Mekah. Dinamakan Surah Ibrahim kerana di dalamnya ada disebutkan tentang Nabi Ibrahim a.s.
295	I	ibtida	Menyambungkan semula bacaan Al-Quran setelah mewakafkannya.
296	I	idah	Tempoh bagi wanita yang bercerai, tidak boleh berkahwin sama ada cerai hidup atau cerai mati.
297	I	idgham	Memasukkan bunyi pertama ke bunyi yang kedua. Oleh itu jadilah bunyi huruf itu bercampur dengan huruf yang dihadapannya. Idgham termasuk dalam hukum tajwid.
298	I	idgham mutajanisain	huruf yang mati bertemu bertemu dengan huruf yang hidup sejenis makhraj tetapi berlainan sifatnya seperti huruf "ta" dengan "to".
299	I	idgham mutamasilain	Satu cara membaca ayat al-Quran dengan mengidghamkan huruf mim yang mati kepada mim yang hidup.
300	I	idgham mutaqaribain	Mengidghamkan dua bunyi huruf yang bertemu dan berhampiran makhraj tetapi berlainan sifat kedua-dua huruf tersebut.
301	I	idris [nabi]	Seorang daripada rasul pilihan. Nama penuhnya Idris bin Mahlil bin Thia bin Adam a.s. beliau orang yang mula mengetahui ilmu yang penting bagi manusia seperti jahit-menjahit, menulis dan sebagainya. Beliau diutuskan kepada keturunan Qabil yang menyembah berhala
302	I	ifrit	satu jenis jin yang gagah perkasa daripada jenis jin yang lain. Ia banyak berkhidmat kepada Nabi Allah iaitu Nabi Sulaiman a.s. terutamanya dalam melakuakn tugas-tugas kerajaan yang berat.
303	I	iftirasy	Duduk iftirasy bererti duduk di atas tapak kaki kiri dan kaki kanan yang ditegakkan [duduk pada tahiyat awal].
304	I	ihdad	Berkabung iaitu para isteri yang kematian suami dilarang berhias diri selama empat bulan sepuluh hari. Berkabung bagi orang lain seperti ibu bapa hanya tiga hari saja. Berkabung bagi wanita tertentu

			saja.
305	I	ihram	berniat mengerjakan ibadat haji atau umrah. Mereka yang berihram kenalah memakai pakaian ihram. Bagi lelaki ialah memakai dua helai kain yang belum berjahit, sehelai dipakai di badan dan sehelai lagi diselendangkan di bahu. Bagi wanita pula ialah menutup seluruh tubuh badan melainkan muka dan tapak tangan, seperti pakaian ketika bersembahyang.
306	I	ihsan	1- Berbuat baik dan bermurah hati kepada hamba-hamba Allah S.W.T. Kita disuruh berbuat ihsan kepada kedua ibu bapa kita. 2- Beribadat dengan penuh khusyuk kepada Allah S.W.T. Misalnya, kita mengerjakan sembahyang dengan penuh khusyuk seolah-olah Allah S.W.T. sedang memerhatikan apa yang kita sedang lakukan, walaupun kita tidak dapat melihatNya.
307	I	ihtikar	Perbuatan menyorok barang-barang keperluan orang ramai seperti makanan dan lain-lain lagi serta menjual denagn harga yang tinggi dan boleh menyebabkan orang ramai susah. Perbuatan ini haram kerana menipu.
308	I	ihtilam	Keluar air mani kerana mimpi bersetubuh. Wajib bagi mandi hadas besar bagi orang yang berihtilam dan dikira sudah cukup umur [mukalaf].
309	I	ihya' ulumuddin	Kitab imam Al-Ghazali yang masyhur. Kitab ini mengandungi kupasan kerja hati , cara beribadat dan mendampingi Allah S.W.T. dengan lebih dekat lagi. Kitab ihya' ulumuddin adalah kitab ilmu akhlak dan tasawwuf yang terkemuka.
310	I	ihyaul mawat	Mengimarahkan tanah terbiar umpamanya dengan bercucuk tanam yang bukan kepunyaan orang lain hukumnya sunat.
311	I	ijab	melafazkan perkataan membuat sesuatu tawaran kepada seseorang. Ia hendaklah diikuti olehkabul sebagi persetujuan. Ijab kabul biasanya diguna pada jual beli dan akad nikah.
312	I	ijarah	Sewa-menyewa. Hukumnya harus dengan syarat benda yang disewakan itu memberi manafaat dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak.
313	I	ijmak	Kebulatan pendapat ulamak ijtihad dalam dalam menentukan sesuatu hukum bagi sesuatu masalah. Ijmak ulama merupakan sumber perundangan Islam selepas Al- Quran dan Hadis yang wajib dipatuhi oleh setiap orang Islam.

314	I	ijmali	Sesuatu yang dijelaskan dengan keseluruhan sahaja atau secara ringkas. Kebanyakan hukum di dalam al-Quran dinyatakan secara ijmali, kemudian ayat atau hadis yang lain yang menjelaskan secara terperinci.
315	I	ijtihad	Menjalankan usaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan sesuatu hukum bagi sesuatu masalah baru yang tidak terdapat di dalam Al-Quran dan hadis berasaskan syarak. Ulama yang berijtihad dikenali sebagai mujtahid.
316	I	ikhfak hakiki	Satu cara dengan bacaan mendengungkan bunyi huruf nun mati atau tamwin apabila disambut oleh salah satu huruf berikut; sin, ta, jim, zai, sod, dal, kob, fa, yha, dhot, to, zo, syim, zal.
317	I	ikhfak syafawi	Satu bacaan ayat al-Quran iaitu mendengungkan bacaan bunyi mim mati apabila berjumpa huruf ba.
318	I	ikhlas	melakukan sesuatu ibadat atau pekerjaan semata-mata kerana Allah S.W.T. tanpa didorong oleh sebab-sebab yang lain. Allah S.W.T. hanya akan menerima ibadat hambaNya yang ikhlas sahaja.
319	I	ikhtilaf	Ertinya berbeza-beza pendapat di antara ulama feqah dalam menentukan sesuatu hukum bagi masalah yang tertentu.
320	I	ikrar	Memberi pengakuan bersetuju dalam sesuatu perkara atau memberi penjelasan sesuatu perkara kepada orang lain.
321	I	iktibar	Mengambil pengajaran daripada sesuatu perkara yang berlaku ke atas dirinya .
322	I	iktidal	Berdiri tegak dan tenang apabila bangkit daripada rukuk. Iltidal merupakan salah satu daripada rukun sembahyang yang mesti dilakukan dengan sempurna.
323	I	iktikaf	Duduk di dalam masjid dengan niat menghampiri diri kepad Allah S.W.T. Ynag paling baik dengan melakukan ibadat lain seperti berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya.
324	I	iktiraf	Memberikan pengakuan terhadap sesuatu perkara.
325	I	ilak	Suami yang bersumpah denagn nama Allah S.W.T. tidak akan meniduri isterinya. Jika dalam masa empat bulan atau lebih mereka tidak bersama akan jatuh talak bain dan tidak boleh rujuk semula. Tetapi jika suami tidak meniduri isterinya kurang daripada empat bulan, suami wajib membayar

kifarah sumpah.

326	I	ihdad	Fahaman yang tidak mempercayai agama. Orang yang demikian digelar mulhid atau aties.
327	I	ilyas [nabi]	Salah seorang daripada rasul plihan. Diutuskan kepada satu kaum yang menyembah berhala di satu kawasan berhampiran dengan Lubnan. Oleh sebab kejahatan kaum itu melampaui batas, Nabi Ilyas a.s. dan pengikut-pengikutnya berpindah. Allah S.W.T. membinasakan kaum tersebut dengan gempa bumi yang dahsyat.
328	I	imalah	Membunyikan huruf bacaan al-Quran yang berbaris di atas Isweh diantara fathah dan kasrah.
329	I	iman	Mempercayai dengan yakin segala berita dan pengajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w seperti kepercayaan kepada rukun iman yang enam dan lain-lain lagi.
330	I	al-imran	Surah al-Quran yang ketiga. Surah yang mengandungi 200 ayat yang diturunkan di Madinah. Dinamakan surah Imran kerana menceritakan tentang keluarga Imran yang menjelaskan kesesatan orang Nasrani yang menganggap Nabi Isa a.s. itu anak Tuhan.
331	I	imsak	Waktu yang hampir benar dengan siang hari puasa. Orang yang berpuasa tidak lagi boleh makan dan minum serta yang membatalkan puasa sehingga waktu berbuka puasa.
332	I	infak	Menyumbang atau membelanjakan harta atau waang ringgit atau tenaga pada jalan yang diredhai Allah S.W.T. seperti menyumbangkan wang pada fakir miskin.
333	I	injil	Sebuah kitab dari Allah S.W.T. diturunkan kepada Nabi Isa a.s. dalam bahasa Ibrani. Antara kandungannya ialah mentauhidkan Allah S.W.T. dan menyatakan kelahiran Nabi s.a.w. Serta hukum dan pengajaran yang sesuai mengikut semasa. Injil yang asal sudah tiada lagi sekarang kerana paderi-paderi Kristian telah mengubah kandungannya yang sebenar sehingga terdapat lima macam Injil iaitu Injil Markus, Matta, Luqa, Yuhana dan Bernaba.
334	I	insaf	Perasaan yang timbul dalam hati seseorang berikutan dengan sesuatu peristiwa yang telah berlaku dan dia akan berubah sikap seperti akan berwaspada dan sebagainya.

335	I	islam	Agama Allah S.W.T. yang dibawa oleh Nabi s.a.w. untuk manusia sejagat. Semua manusia diperintah untuk mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan segala yang dilarang. Dasar agama Allah S.W.T. dari Nabi Adam a.s. sehingga Nabi s.a.w. tidak berubah iaitu bertuhankan Allah yang Maha Esa. Cuma yang berubah ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan syariah saja kerana mengikut kesesuaian masa.
336	I	israfil	Salah satu daripada malaikat yang wajib dipercayai oleh setiap mukalaf. Malaikat ini ditugaskan meniup sangka kala apabila hampir Kiamat. Apabila ditiup bagi kali yang kedua, semua yang bernyawa hidup semula untuk dibicarakan amalan masing-masing.
337	I	al-israk	Perjalanan Rasulullah s.a.w. dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dalam peristiwa Isra' Mikraj yan berlaku kepada Baginda.
338	I	isti'alak	Salah satu hukum tajwid iaitu dengan meninggikan bunyi sebahagian daripada huruf Al-Quran dan hendaklah mengangkat lidah ke langit apabila membacanya. Huruf-hurufnya ialah ho, sot, dhot, ghin, to, kob, zo.
339	I	istibra'	1- Berdehem perlahan selepas membuang air kecil supaya najis tersebut keluar semua. 2- Tempoh menunggu sehingga datang sekali lagi haid bagi perempuan yang dicerai untuk memastikan dia tidak mengandung.
340	I	istighfar	Memohon keampunan dan bertaubat kepada Allah S.W.T. atas kesalahan dahulu. Diucapkan pada bila-bila masa denagn perasaan hati yang khusyuk . Istighfar ialah salah satu jenis zikir kepada Allah S.W.T.
341	I	istihadah	Darah yangkeluar dari rahim perempuan seperti darah haid tetapi ia bukan darah haid atau nifas. Ia adalah darah penyakit dan wajib ia mengerjakan sembahyang serta wajib pula berpuasa seperti biasa.
342	I	istikamah	Pendirian seseorang yang tetap hati dan tekun untuk mencapai apa yang dihajatinya. Sifat istikamah sifat yan terpuji.
343	I	istihsan	Satu sumber hukum syarak. Ia bertentangan dengan kias yang nyata. Sebagai contoh sekiranya berlaku ke atas seorang pencuri dipotong tangan kirinya secara tersalah kerana sepatutnya tangan kanan yang dipotong, maka berdasarkan istihsan tidak perlu lagi dipotong tangan kanannya kerana ia sudah memadai.

344	I	istinbat	Mengeluarkan sesuatu hukum dengan cara berijtihad oleh ulama feqah.
345	I	istinjak	Menghilangkan kesan najis yang ada pada kemaluan setelah membuang air besar atau kecil supaya kembali bersih. Beristinjak biasanya dengan menggunakan air atau menggunakan batu dan benda-benda keras.
346	I	izhar	Satu cara membaca ayat al-Quran dengan menyatakan bunyi huruf nun yan mati atau tanwin apabila bertemu dengan salah satu huruf-huruf berikut; alif, hamzah, ha, ho, ghin, ain, kha.
347	I	izrail	Salah satu daripada sepuluh malaikat yang wajib dipercayai oleh setiap mukalaf. Tugasnya ialah mencabut setiap nyawa dengan perintah Allah S.W.T.
348	J	ja'afar bin abu talib	Beliau adalah anak kepada Abu Talib dan sepupu kepada Nabi s.a.w. Beliau memeluk Islam dam telah mati syahid ketika menentang Rome yang mempunyai bilangan tentera berlipat kali ganda daripada tentera Islam di dalam peperangan Muktah.
349	J	jabariyah	Satu mazhab dalam ilmu tauhid. Antara fahamnannya ialah bahawa usaha dan ikhtiar manusia sama sekali tidak mempunyai peranan dalam menentukan nasib kerana segala-galanya, yang baik atau buruk sudah ditentukan oleh iradat Alah S.W.T. dari azali lagi dan manusia sentiasa menerimanya sahaja.
350	J	al-jabbar	Salah satu dari nama Allah S.W.T. [al-asma al-husna] yang bererti Allah Maha Berkuasa melakukan apa-apa saja yang dikehendaki ke atas makhlukNya. Sekiranya kita berzikir "Ya Jabar" sebanyak 206 kali pagi dan petang, tiada terdaya orang lain menzalimi ke atas kita dengan izin Allah S.W.T.
351	J	jahanam	Salah satu nama neraka di akhirat.
352	J	jahar	1- Menyaringkan bacaan sembahyang seperti bacaan fatihah dalam rakaat yang pertama dan rakaat yang kedua dalam fardhu Maghrib. 2- Menyebut sebahagian huruf dengan nyaring dan tertahan nafas. Ini merupakan satu daripada hukum tajwid.
353	J	jahil	Ertinya orang yang tidak berilmu iaitu bodoh; lawannya jahil. Jahil mukarab bererti orang yang sangat jahil dan tidak tahu langsung tentang agama.

354	J	jahiliah	Gelaran kepada orang Arab sebelum kedatangan Islam. Mereka dianggap jahil kerana kepercayaan mereka yang sesat iaitu menyembah benda-benda selain daripada Allah S.W.T.dan kehidupan mereka yang kucar-kacir.
355	J	jahim	Salah satu nama neraka diakhirat kelak.
356	J	jaiz	Sesuatu yang dilakukan, tidak berdosa.
357	J	al-jalil	Salah satu nama Allah S.W.T. [al-asma al-husna] yang bererti Allah Maha Berkuasa melakukanapa-apa yang dikehendaki kepada makhlukNya.
358	J	jalut	Seorang panglima tentera bangsa Palestin purba yang pernah berperang dengan Talutdan tewas di tangan Nabi Daud a.s.
359	J	jamadil akhir	Nama bulan Islam yang ke-6 dalam kalendar Islam yang bererti musim sejuk akhir.
360	J	jamadil awal	Nama bulan Islam yang ke-5 dalam kalendar Islam yang bererti musim sejuk awal.
361	J	jamak	Sembahyang jamak bererti dua sembahyang yang dijadikan satu waktu seperti Zuhur dan Asar dilakukan dalam sembahyang Zuhur. Begitu juga dengan sembahyang Maghrib dan Isyak yang disatukan dalam waktu Maghrib. Sembahyang jamak diharuskan kepada orang yang musafir saja dan ia terbahagi kepada dua iaitu Jamak Takdir dan Jamak Takdim.
362	J	al-jamik	Salah satu nama Al-Asma Al-Husna, yang bererti Allah yang Maha Berkuasa mengumpulkan segala-galanya. Sesiapa yang berzukir dengan "Ya Jamik" sebanyak 300 kali setiap hari, ia akan mendapat apa-apa yang dimaksudkan dengan izin Allah S.W.T.
363	J	jamrah	Ertinya anak batu. Melontar jumrah adalah satu pekerjaan wajib oleh peserta haji.
364	J	janin	Anak yang berada dalam kandungan ibu tidak lebih dari tiga bulan.
365	J	jannah	Nama salah satu syurga. Ia merupakan satu tempat yang penuh dengan nikmat kesenangan yang belum pernah dirasai oleh sesiapa pun. Syurga untuk orang yang menurut perintah Allah S.W.T. sahaja.
366	J	jariah	Ertinya hamba perempuan.

367	J	jarimah	Kesalahan besar yang mengancam orang yang melakukannya dengan hukuman oleh syarak supaya orang lain tidak berani melakukannya. Kesalahan tersebut seperti membunuh, merompak dan sebagainya.
368	J	jasad	Tubuh badan bagi manusia. Bagi Allah S.W.T. tidak dikatakan jasad tetapi dikatakan zat Allah Taala.
369	J	jasmani	Unsur yang ada di badan manusia seperti kulit, tulang, daging, bulu dan sebagainya sama ada dalam bentuk cecair atau padat. Jasmani akan hidup bersama-sama rohani jika tidak ia akan rosak.
370	J	al-jathiah	Surah al-Quran yan ke-45. Surah yang mengandungi 37 ayat yang diturunkan di Mekah. Al-Jathiah bererti manusia yang berlutut kerana sangant takut pada haru Kiamat nanti.
371	J	jauhar	Sesuatu yang tidak dapat dibahagikan lagi kerana terlalu kecil.
372	J	jemaah	Sekumpulan manusia. Sembahyang berjemaah ialah melakukan sembahyang mengikut imam. Pahala orang yang melakukan sembahyang jemaah sebanyak 27 kali dibandingkan dengan sembahyang sendiri. Ada sembahyang yang disunatkan berjemaah dan yang ada tidak perlu.
373	J	jenayah	Satu dari hukuman yang berkaitan dengan kesalahan berat seperti membunhu, berzina dan sebagainya.
374	J	jenazah	Mayat orang Islam yang telah meninggal dunia sama ada lelaki atau perempuan. Adalah menjadi fardhu kifayah bagi orang Islam menyempurnakan ke atas mayat itu empat perkara iaitu memandikannya, mengkafan, menyembahyangkan dan mengkebumikannya.
375	J	jibril	Salah satu malaikat yang wajib setaip mukalaf mempercayainya. Jibril adalah malaikat yang terkenal kerana ia adalah perantara diantara Allah S.W.T. dan rasul-rasulNya sebagai pembawa wahyu.
376	J	jihad	1- Melakukan sesuatu dengan hemah yang tinggi dan tabah tanpa mengira susah payah dan penat lelah. 2- Menentang orang kafir kerana mempertahankan kesucia agama Islam dan dakwah. Sekiranya mati ia dikira sebagai mati syahid. Adakalanya jihad menjadi fardhu ain jika musuh melanggar negara.
377	J	jin	Sejenis makhluk Allah S.W.T. yang dijadikan daripada unsur api. Jin mempunyai akal dan nafsu seperti manusia, ada yang Islam dan kafir.

			Walaupun ia boleh menghilangkan diri dari pandangan manusia, ia tidak boleh merosakkan manusia kecuali dengan izin Allah S.W.T.
378	J	jiran	Mereka yang tinggal dikeliling rumah kita. Jiran ada tiga jenis iaitu kerabat kita, jiran yang bukan kerabat dan jiran yang bukan seagama. Kita disuruh menjaga hak-hak kejiranan.
379	J	jirim	Sesuatu benda yang memenuhi ruang sama ada yang kecil atau besar. Seperti rumah, manusia dan sebagainya. Allah S.W.T. bukan jirim.
380	j	jisim	Benda yang tersusun daripad beberapa sususnan atau sesuatu yang boleh dibahagiakan.
381	j	jiz'ah	Istilah yang digunakan untuk unta yang berumur empat tahun lebih. Ia akan menjadi zakat jika berjumlah 61 hingga 75 ekor.
382	J	jizyah	Satu bayaran dengan kadar tertentu yang dipungut dari orang kafir yang bernaung di bawah kerajaan orang Islam untuk perbelanjaan keselamatan dan kebajikan mereka.
383	J	jual salam	Jual beli barang yang belum ada pad majlis akad. Sebagai contoh," Saya menjual kepada awak sebuah almari pakaian, bentuknya sekian-sekian". Pembeli setuju serta membayar harganya dan almari itu datang kemudian.
384	J	judi	Suatu pertaruhan yang mana sebelah pihak akan menjadi rugi. Dan pihak yang lain mendapat keuntungan.
385	j	juhfah	Tempat memulakan niat bagi menunaikan haji bagi peserta yan datang dari arah Mesir. Juhfah terletak kira-kira 220 kilometer dari Mekah.
386	J	jumaat	Hari istimewa bagi orang Islam. Hari yang digalakkan kita membanyakkan amal ibadat. Banyak peristiwa bersejarah berlaku pada hari Jumaat. Orang lelak idiwajibkan sembahyang Jumaat.
387	J	al-jumuah	Surah Al-Quran yang ke-62.Surah yang mengandungi 11 ayat yang diturunkan di Madinah. Surah ini dinamakan Jumuah kerana ia mengandungi perintah mengerjakan sembahyang Jumaat.
388	J	junub	Berhadas besar. Orang yang berjunub wajib mandi hadas besar atau mandu junub. Hendaklah ia berniat ketika meratakan air ke seluruh badannya atau mula mandi.

389	J	al-juwaini	Namanya Abdul Malek bin Abdullah Al-Juwaini, seorang yang alim dalam ilmu kalam dan feqah serta penyokong kuat mazhab Syafie. Beliau bergelar imam Al-Harmim bagi Mekah dan Madinah.
390	K	kaabah	Sebuah bangunan yang terletak di tengah-tengah Masjidil Haram di Mekah. Bentuknya empat segi, Tinggi 15 meter, panjang 11 meter lebih dan lebarnya kira-kira 10 meter. Ia juga bernama Baitul Al-Haram dan dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. Ia menjadi arah kiblat bagi orang Islam sembahyang.
391	k	kabair	Ertinya dosa-dosa besar. Seperti menyekutukan Allah S.W.T., membunuh, mengamalkan sihir, berzina dan lain-lain lagi. Dosa besar hilang dengan cara bertaubat saja.
392	K	kafan	Membalut mayat untuk dikebumikan. Biasanya ia menggunakan kain putih. Mengkafankan selepas mayat dimandikan. Sekukrang-kurang kain kafan satu lapis tetapi sebaiknya tiga lapis bagi lelaki dan lima lapis bagi perempuan.
393	K	kafarah	Denda yan telah ditetapkan ole syarak ke atas orang yan melakukan kesalahanatau menampung ibadat yang kurang sempurna. Antara sebab yang diwajibkan kifarah ialah menyalahi nazar dan merosakan amalan.
394	K	kafir	Orang yang tidak mengesakan Allah S.W.T. dan kerasulan nabi s.a.w. Ada kafir harbi, zimmi dan mustakmin.
395	K	al-kahfi	Surah al-Quran yang ke-18. Surah yang mengandungi 110 ayat yang diturunkan di Mekah. Ia bererti gua kerana daripada ayat 9-26 ada menceritakan tentang penghuni gua.
396	K	kara' alghamin	Kaki binatang. Tersebut dalam hadis bahawa Nabi s.a.w. memperkenan jemputan orang, walaupun hanya sup kaki kambing saja. Dan Di tempat yang jauh seperti di Al-Ghanim.
397	K	al-karim	Salah satu nama Al-Asma Al-Husna. Yang bererti Allah Yang Maha Mulia atau Maha Pemurah memberi ezeki terhadap hamba-hambaNya. Sesiapa yang mengamalkan berzikir " Ya Karim" sebanyak 270 kali setiap kali hendak tidur, ia akan mendapat kemuliaan di dunia dan akhirat, Insya Allah.
398	K	karramallah wajhah	Gelaran yang diberikan kepada Saidina Ali. Gelaran ini bererti Allah memuliakannya kerana ia belum pernah menyembah berhala walau pun sebelum Islam.

399	K	karun	orang yang paling kaya pada zaman Nabi Musa a.s. tetapi menindas orang yang miskin dan angkuh dengan kekayaannya lalu menjadi kufur. Lalu Allah S.W.T. memrintahkan bumi menelan dirinya serta hartanya.
400	K	kasyaf	Nampak sesuatu yang ghaib melalui mata hati. Ia seolah-olah nampakdengan mata kasar. Seperti yang diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. nampak dengan hatinya mayat salah seorang Raja Najashi yang beragama Islam, lalu Nabi s.a.w. pun bersembahyang ghaib.
401	K	al-khazin	Nama sebuah kitab tafsir Al-Quran yang terkenal.
402	K	kedup	Rumah kecil, tempat duduk di atas belakang unta.
403	K	keramat	Perkara ganjil yang berlaku kepada orang yang saleh. Tujuan Allah S.W.T. mengadakan perkara yan ganjil ini adalah sebagai balasan untuk hamba-hambaNya yang taat. Tiada keramat pada kuburan, pada pokok kayu dan sebagainya. Kepercayaan kepada benda-benda karut adalah kepercayaan karut.
404	K	al-khabir	Satu daripada nama Allah S.W.T. [al-asma al-husna] yang bererti Yang Amat Mengetahui dengan seluas-luas akan hakikat sesuatu daripada perkara besar hingga kepada perkara-perkara kecil. Sesiapa yang berzikir " Ya Khabir" sebanyak 812 kali tiap-tiap hari selama seminggu, akan datang khabar yang dikehendakinnya, dengan izin Allah S.W.T.
405	K	khadijah bt khuwailid	Isteri pertasma Rasulullah s.a.w. Beliau merupakan seorang saudagar yang berakhlak tinggi dan berbudi pekerti yang mulia. Beliau telah berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. 22 tahun sebelum Hijrah. Mereka dikurniakn anak seramai enam orang. 2 putera iaitu Kassim dan Abdullah dan 4 puteri iaitu Zainab, Rukiah, umi Kalsum dan Fatimah.
406	K	khaibar	Nama satu tempat di utara Madinah. Orang Yahudi telah berkumpul disini untuk menentang tentera Islam secara habis-habisan. Rasulullah s.a.w. bersama tenttera-tentera Islam telah berjaya menewaskan mereka dalam perang Khaibar.
407	K	khalid bin walid	Panglima Islam yang mashur. Beliau adalah seorang yang berani dan pintar di dalam peperangan. Beliau memeluk Islam pada tahun 7 Hijrah. Disebabkan keberaniannya, beliua telah digelar sebagai Saifullah [pedang Allah]. Beliau meninggal dunia pada tahun 21 Hijrah di Hims.

408	K	khalifah	Para sahabat yang menggantikan Rasullulah s.a.w. Mereka menjadi ketua dan memimpin umat Islam serta menyambung tugas baginda iaitu menyebarkan dakwah Islamiyah. Khulafa' Ar-Rasyidin seramai empat orang iaitu Khalifah Umar Al-Khattab, Abu Bakar As-Siddiq, Usman bin Affan dan Saidina Ali r.a.
409	K	khalaf	Kumpulah ahli sunnah yang hidup selepas 300 tahun Nabi s.a.w. berhijrah. Sehingga sekarang lawannya ialah Ulama salaf.
410	K	al-khaliq	Satu daripada nama Allah [al-asma al-husna] yang bererti pencipta segala makhluk. Sesiapa yang berzikir " Ya khaliq" sebanyak 731 kali, Allah S.W.T. akan menerangkan mata hatinya.
411	K	khalwat	1- Perbuatan mengasingkan diri di suatu tempat sunyi untuk menumpukan hati beribadat kepada Allah Taala. 2- Pengasingan diri secara berdua-duaan diantara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan juga bukan suami isteri di tempat sunyi dan terpencil.
412	K	khamru	Arak, iaitu tiap-tiasp minuman yang biasanya memabukkan orang yang meminumnya dan tidak kira ia diperbuat daripada apa.
413	K	khandak	Pertahanan atau kubu, Perang Khandak berlaku pada tahun ke-5 Hijrah di Madinah di antara tentera Islam dengan tentera kafir bersekutu. Nabi s.a.w. telah menggali parit sebagai kubu pertahanan daripada serangan musuh. Peperangan ini juga dikenali dengan nama Perang Ahzab.
414	K	khatan	Memotong kulit yang muncul pada zakar kanak-kanak lelaki iaitu tempat najis berkumpul. Bagi perempuan pula ialah memotong sedikit hujung kemaluan perempuan.
415	K	khawarij	Nama satu mazhab dalam ilmu Tauhid. Asalnya satu puak Islam yang menentang keputusan Saidina Ali r.a. menerima gencatan senjata dengan Muawiyah, kenudia telah menjadi satu mazhab. Antara ajaran mereka ialah orang Islam terus menerus melakukan dosa besar dan kemudian mati belum sempat bertaubat, mereka dihukumkan kafir.
416	K	khiar	Satu cara jual beli yang boleh dibatalkanuntuk menjaga kepentingan pembeli dan penjual. Ada majlis khiar, majlis syarat dan majlis ghaib.
417	K	khiar aib	Pembeli boleh memulangkan balik barang yang telah dibeli kalau barang itu rosak, sebelum diterima atau rosak yang disembunyikan.

418	K	khiar majlis	Penjual dan pembeli berhak membuat keputusan meneruskan jual belinya atau membatalakn selagi mereka belum berpisah.
419	K	khiar syarat	penjual atau pembeli boleh membuat syarat dalam akad jual beli dalam masa tiga hari sama ada terus membeli atau sebaliknya.
420	K	khilafah	Jawatan yang disandang oleh seorang khalifah sebagai pengganti Rasulullah s.a.w.
421	K	al-khindi	Nama sebenar Abu Yusuf bin Ihsak al-Khindi. Beliau seorang ahli falsafah Islam yang berbangsa Arab. Beliau banyak menterjemahkan falsalah Yunani ke dalam bahasa Arab serta menulis buku falsafah.
422	K	khuf	Sejenis kasut yan dipakai dan tidak perlu ditanggalkan apabila mengambil wuduk, Cuma menyapu air di atasnya saja. Bagi orang yang mastautin dibenarkan menggunkan menggunakan khuf sehari semalam dan orang musafir selama tiga hari tiga malam.
423	K	khuldi	1- Nama sepohin kayu di dalam syurga. Allah S.W.T.melarang Nabi Adam a.s. mendekati pokok ini. Namun terpedaya dengan tipu daya iblis, Nabi Adam a.s.s telah melanggar larangan tersebut lalu Allah S.W.T. menurunkannya ke bumi.
424	K	khuluk	Tebus talak. Isteri boleh meminta cerai dari suaminya dengan bayaran tertentu mengikut persetujuan kedua-dua belah phak. Apabila isteri membayar, suami menceraikannya.
425	K	khunsa	orang yang tidak jelas jantinanya sama ada lelaki atau perempuan.
426	K	khurafat	Kepercayaan atau amalan karut yang bertentangan dengan agama Islam yang sebenarnya. Sebagai contoh mendapat bala kempunan disebabkan kempunan memakan sesuatu, puja pantai dan sebagainya.
427	K	khusuf	Gerhana bulan. Sunat melakukan sembahyang sunat khusuf sebanyak dua rakaat secara berjemaah apabila kelihatan gerhana bulan.
428	K	khusyuk	Merendah diri atau mengaku kelemahan dirinya kepada Allah S.W.T.
429	K	khutbah	Ucapan yang mengndungi puji-pujian kepada Allah S.W.T., selawat, nasihat dan pengajaran yang diucapkan sebelum memulakan sembahyang Jumaat. Khutbah nikah pula dibaca ketika hendak memulakan akad nikah. Namun dalam sembahyang

			Hari Raya, khutbah dibacakan selepas sembahyang sunat Hari Raya.
430	K	al-khuwarizmi	Nama sebenarnya Abu Abdullah bin Muhammad. Beliau merupakan pengarang Islam yang terkenal dengan karangannya dalam ilmu perubatan, matematik, ilmu bintang dan lain-lain lagi.
431	K	kias	Menentukan hukum bagi sesuatu madslah yang baru berlaku dengan membandibngka hukum yang ada pada masalah yang hampr serupa. Kias merupakan salah satu hukum syarak.
432	K	Kinayah	Perkataan dalam al-Quran yang sukar dimengertikan maknabnya melainkan dengan karinahnya.
433	K	kitab Allah	hukum dan peraturan hidup yang diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui rasul-rasulNya untuk menjadi panduan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Kitab-kitab Allah S.W.T. ialah Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran.
434	K	kolah	Suaktan air yang membezakan air yang banyak dengan air yang sedikit. Air doa kolah sebanyak 9 2/3 tin minyak tanah dikatakan air banyak. Jika masuk najis dan air tidak berubah, hukumnya air itu masih bersih. Air yang kurang daripada dua kolah, dikatakan air yang sedikit dan apabila air itu dimasuki najis ia sudah tidak suci lagi.
435	K	korban	1-Menyembelih binatang ternakan pada hari korban untuk mendapatkan pahala korban. 2- Hari Raya Aidil Adha juga dikatakan hari raya korban.
436	K	kudsi	Berita yang disampaikan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi s.a.w. melalui mimpi atau ilham, kemudian Nabi s.a.w. akan menceritakan kepada umatnya dengan perkataan sendiri yang sama maksud dengan berita tersebut.
437	K	kufah	Sebuah bandar di negara Iraq. Saiyidina Ali telah memindahkan pusat pentadbiran dari Madinah ke Kufah kerana di sana lebih banyak penyokongnya. Beliau wafat dan dikebumikan di Kufah.
438	K	kufu	Taraf perkahwinan di antara suami isteri. Bagaimanapun kufu bukanlah syarat sah perkahwinan. Namun demikian, jika salah seorang tidak bersetuju, ia boleh menuntut fasakh dengan alasan tidak kufu.
439	K	kufur	1- Perbuatan menentang perintah Allah S.W.T. 2- Kufur nikmat adalah perbuatan orang yang menyalah gunakan nikmat yang telah di kurniakan oleh Allah S.W.T.

440	K	Al-Kursi	Suatu alat kebesaran kerajaan Allah S.W.T. berhadapan dengan Arasy. Tiada sesiapa yang mengetahui hakikatnya dan tujuannya, melainkan Allah S.W.T. jua yang mengetahuinya.
441	K	Kusuf	Gerhana Matahari. Sunat melakukan sembahyang sunat kusuf sebanyak dua rakaat berjemaah apabila ternampak gerhana matahari.
442	K	Kutub sittah	Ia juga di sebut Sunan Sittah, iaitu enam buah kitab yang ditulis oleh enam orang ulama hadis yang termasyhur. Kitab-kitabnya ialah Sahih Muslim, Sahih Bukhari, Sunan Tarmizi, Sunan Abi Daud, Sunun An-Nasai dan Sunan Ibnu Majah.
443	L	Ladza	Salah sebuah neraka yang penuh dengan pelbagai azab. Ladza adalah tempat bagi orang yang menderhaka kepada Allah S.W.T. Ada pendapat ulama mengatakan antara penhuni-penghuninya ialah iblis.
444	L	Laghwun	Perkara yang kosong dan tidak memberi faedah pada kiraan syarak.
445	L	Lahwul-Hadis	Percakapan kosong yang sia-sia sahaja.
446	L	Lahwun	Macam mainan sahaja atau kesenangan yang sementara sahaja. Contohnya kesenangan dan nikmat di dunia yang hanya merupakan kesenangan yang sekejap sahaja dan tidak lama, tidak seperti kesenangan dan nikmat akhirat yang berkekalan.
447	L	Lailatul Qadar	Satu malam yang sangat mulia. Orang Islam yang beribadat pada malam tersebut lebih banyak mendapat pahala daripada beribadat seribu malam bulan-bulan yang biasa. Lailatul Qadar berlaku dalam salah satu daripada sepuluh malam yang terakhir pada bulan Ramadhan.
448	L	Laknat	Bererti kutukan. Sesiapa yang dilaknat oleh Allah S.W.T., terputusllah daripada rahmatNya. Allah S.W.T. mengutuk orang yang memberi rasuah dan orang yang menerimanya.
449	L	Al-Latif	Salah satu daripada nama Allah S.W.T. [Al-Asma' Al- Husna] yang bererti Allah S.W.T. bersifat sangat lemah lembut kepada makhlukNya.
450	L	Lauwamah	Sejenis nafsu manusia iaitu perasaan seseorang yang mencela dirinya setiap kali terlintas di hati hendak melakukan maksiat kerana ia masih lagi digoda oleh nafsu yang jahat.

451	L	Lawh mahfuz	Sebuah tempat catatan nasib manusia dan rahsia makhluk Allah di alam ghaib yang dijaga dengan penuh rapi oleh para malaikat dan tiada sesiapa yang dapat menghampirinya.
452	L	Lian	Suami bersumpah sebanyak lima kali dengan menuduh isterinya berzina dengan orang lain. Perkahwinan mereka terputus dan mereka tidak boleh berkahwin lagi buat selama-lamanya sebaik sahaja peristiwa lian berlaku.